

**PELESTARIAN BUSANA  
TRADISI SUKU KAUM KEDAYAN:  
KAJIAN DI KAMPUNG SUNGAI LADA, LABUAN**

**MUHAMMAD NUR IQBAL FIRDAUS BIN NORDEN**


UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**DENGAN KEPUJIAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PELESTARIAN BUSANA  
TRADISI SUKU KAUM KEDAYAN:  
KAJIAN DI KAMPUNG SUNGAI LADA, LABUAN**

**OLEH:  
MUHAMMAD NUR IQBAL FIRDAUS BIN NORDEN**

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat  
Kelayakan Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan  
Kepujian

---

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2024**

## PERAKUAN THESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan,



MUHAMMAD NUR IQBAL FIRDAUS BIN NORDEN

DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI

Tarikh: 15.2.2024

Tarikh:

Note\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify the work embodied in this thesis is the result of the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis is to be made immediately able as hardcopy or on-line open acces (full text)

**EMBARGOES**

I agree that my thesis is to be made immediately able as hardcopy or on-line open acces (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee. Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_

**CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED**

Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows:

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature: \_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_  
MUHAMMAD NUR IQBAL FIRDAUS BIN NORDEN

Date: 15.2.2024

Signature of Supervisor: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI

Date: \_\_\_\_\_

Note\* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani di atas rahmat kurnia dan izinNya saya dapat menyiapkan laporan projek tahun akhir saya dengan lancarnya bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi dengan bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna serta sokongan kepada saya dalam menyiapkan kajian saya ini dengan jayanya sehingga ke penghujungnya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa dan keluarga sebagai tulang belakang saya dalam memberikan sokongan dan dorongan yang tidak pernah putus kepada saya sepanjang tempoh pengajian untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak berkongsi pengalaman dan ilmu serta saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung yang telah menghulurkan bantuan dalam usaha ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# PELESTARIAN BUSANA TRADISI MASYARAKAT SUKU KAUM KEDAYAN: KAJIAN DI KAMPUNG SUNGAI LADA

## ABSTRAK

Kajian ini mengenai pelestarian busana tradisi masyarakat suku kaum Kedayan dalam kalangan penduduk di Kampung Sungai Lada. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejarah pakaian suku kaum Kedayan, mengkaji persepsi masyarakat di Kampung Sungai Lada mengenai busana suku kaum Kedayan serta membincangkan langkah untuk melestarikan busana suku kaum Kedayan. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan data dengan lebih terperinci berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah temu bual, lapangan, pemerhatian peserta dan soal selidik digunakan dalam kajian ini. Seramai 162 orang penduduk Kampung Sungai Lada dan 9 orang Informan diambil sebagai responden bagi kajian ini. Dapatan data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan maklumat. Secara keseluruhan, busana kaum Kedayan di Labuan dinamakan sebagai baju Kumbamban. Kebudayaan suku kaum Kedayan semakin terhakis disebabkan oleh berlakunya percampuran budaya. Hal ini menyebabkan kebudayaan suku kaum Kedayan semakin dipinggirkan. Namun, terdapat usaha yang dilakukan bagi melestarikan busana kaum Kedayan supaya setara dengan baju tradisi kaum lain. Contohnya pelestarian melalui persatuan, pengusaha pembuatan baju tradisi dan masyarakat.

Kata kunci: Kampung Sungai Lada, baju Kumbamban, kaum Kedayan, pelestarian

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PRESERVATION OF TRADITIONAL DRESSES OF THE KEDAYAN TRIBE  
COMMUNITY: A STUDY IN LADA RIVER VILLAGE**

**ABSTRACT**

*This study focuses on the preservation of the traditions of the Kedayan tribal community among the Kampung Sungai Lada community. The purpose of this study is to identify the history of Kedayan tribal clothing, to study the perception of the people in the Lada River Village about the Kedayan clothing and to discuss steps to preserve the Kedayan clothing. The study uses a combination of qualitative and quantitative methods to obtain more detailed data related to the study title. The methods of interview, field, participant observation and questionnaire were used in this study. A total of 162 inhabitants Kampung Sungai Lada and nine informants were selected as respondents to this survey. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) method to obtain information. Overall, the fashion of the Kedayan people in Labuan is called the Kumbamban shirt. The culture of the Kedayan tribes is becoming increasingly distorted due to the occurrence of mixed cultures. This is causing the culture of the Kedayan tribes to become more and more distorted. However, efforts have been made to preserve the fashion of the Kedayan people to match the traditional clothes of other peoples. For example, conservation through associations, traditional clothing entrepreneurs and communities.*

*Keywords: Kampung Sungai Lada, Kumbamban clothes, Kedayan, preservation*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

### HALAMAN

<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>THESIS DECLARATION</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	xiv
<b>BAB I PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.7.1 Individu	9
1.7.2 Masyarakat	9
1.7.3 Negara	10
1.8 Kesimpulan	11
<b>BAB II SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Warisan Tidak Ketara	13
2.3 Suku Kaum Kedayan	15



2.4	Pelestarian	16
2.5	Busana	19
2.6	Kerangka Teori	21
2.6.1	Latar Belakang Miftah Thoha	22
2.6.2	Teori Persepsi	23
i.	Rangsangan	23
ii.	Mendaftar	23
iii.	Tafsiran	24
iv.	Maklum Balas	24
2.6.3	Faktor Teori Persepsi	24
i.	Faktor Dalaman	24
ii.	Faktor Luaran	25
2.7	Kesimpulan	25

### **BAB III MEDOTOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.2.1	Kaedah Kualitatif	27
3.2.2	Kaedah Kuantitatif	28
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	30
3.3.1	Data Primer	30
i.	Pemerhatian	30
ii.	Temu bual	30
iii.	Soal Selidik dan Tinjauan	31
3.3.2	Data Sekunder	31
i.	Kaedah Kepustakaan	31
ii.	Internet	32
iii.	Tesis	32
iv.	Jurnal	32
3.4	Teknik Persampelan Bebola Salji	33
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	34
3.6	Instrumen Kajian	34

3.7	Analisis Data	35
3.7.1	Analisis Deskriptif	35
3.7.2	Analisis Tematik	36
i.	Membiasakan Diri Dengan Data	36
ii.	Pengekodaan	37
iii.	Mencari Tema	37
iv.	Menyemak Potensi Tema	37
v.	Menentukan Dan Menamakan Tema	38
vi.	Menghasilkan Laporan	38
3.8	Kesimpulan	40

## **BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	41
4.2	Sejarah Pakaian	42
4.2.1	Busana Suku Kaum Kedayan	44
4.2.2	Baju Kumbamban	55
i.	Kumbamban Laki	55
ii.	Kumbamban Bini	58
4.2.3	Perhiasan Baju Kumbamban	60
a)	Kumbamban	60
b)	Manas-manasan	63
c)	Maang Paniwan	63
d)	Hanjalai Pinglas	65
4.2.4	Inovasi Busana Kedayan	67
i.	Kepelbagaian Baju Kumbamban	68
a)	Sebai	72
b)	Dastar	73
c)	Bakong dan Tali Pinggang	74
ii.	Seni Kreatif Busana Kaum kedayan	74
iii.	Adaptasi Busana Kaum Kedayan	76
4.3	Analisis Soal Selidik	77
4.3.1	Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden	78

a) Jantina	78
b) Umur	79
c) Bangsa	80
4.3.2 Bahagian B, C, D dan E: Analisis Data Persoalan Kajian	81
i. Minat	83
ii. Isu Semasa	86
iii. Kurang Pendedahan	89
iv. Percampuran Budaya	92
4.4 Persepsi Masyarakat di Kampung Sungai Lada Mengenai Busana Suku Kaum Kedayan	95
4.4.1 Faktor Dalaman	97
4.4.2 Faktor Luaran	100
4.5 Langkah Pelestarian Busana Suku Kaum Kedayan	102
4.5.1 Pelestarian Melalui Persatuan	102
i. Wais Anak Kedayan (WAKAL)	102
ii. <i>Dansa Art Production</i>	104
4.5.2 Pelestarian Melalui Pengusaha Kedai Jahit Baju Tradisi	105
4.5.3 Pelestarian Melalui Masyarakat	106
i. Perkahwinan	106
ii. Peragaan Busana Kedayan	108
iii. Restoran Cahaya Mentari	109
iv. Persembahan	111
4.6 Kesimpulan	112

## **BAB V PENUTUP**

5.1 Pengenalan	114
5.2 Ringkasan	114
5.3 Rumusan Kajian	117
5.4 Cadangan	117
5.5 Kesimpulan	119

<b>RUJUKAN</b>	121
<b>LAMPIRAN</b>	126



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL		HALAMAN
3.1	Skala Likert 5 Peringkat	29
3.2	Kriteria Responden	33
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian Di Kampung Sungai Lada	34
4.1	Jantina Respondan	78
4.2	Umur Respondan	79
4.3	Bangsa Respondan	80
4.4	Skala likert Lima (5) Peringkat Ditukar Kepada Dua (2) Peringkat	81
4.5	Nilai Min dan Mengikut Purata	82
4.6	Analisis Minat	83
4.7	Analisis Isu Semasa	86
4.8	Analisis Kurang Pendedahan	89
4.9	Analisis Percampuran Budaya	92

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH		HALAMAN
1	Peta dan lokasi Kampung Sungai Lada	8
2	Miftah Thoha	22
3	Kaedah Kualitatif	28
4	Kerangka Reka Bentuk Kajian	39
5	Masyarakat Kedayan Dahulu	42
6	Kumbamban	46
7	Reka bentuk baju Kedayan	53
8	Baju Kumbamban Laki	55
9	Pemakaian Siaan'ong	56
10	Pemakaian Saukup	58
11	Kumbamban seiring dengan manas-manasan	61
12	Perhiasan wanita Kedayan	61
13	Contoh bilangan angka Kumbamban	62
14	Sebilah parang digenggam	64
15	Buah Hanjalai	66
16	Perhiasan diperbuat dari buah Hanjalai	66
17	Busana kaum Kedayan kini	68
18	Baju Kumbamban kot	69
19	Baju Kumbamban Kreatif	70
20	Penggunaan Sebai	72
21	Penggunaan Tanjak	73
22	Bakong dan Tali Pinggang	74
23	Baju Kedayan Kreatif sempena <i>Borneo Art Festival</i> 2023	74
24	Baju Kedayan dalam reka bentuk baju Kurta	76
25	Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Berdasarkan Teori Persepsi oleh Miftah Thoha	96

26	Logo Persatuan WAKAL	102
27	Majlis Makan Tahun	103
28	Logo <i>Dansa Art Production</i>	104
29	Baju penari Kedayan Kreatif	104
30	Pembuatan Baju Tradisi Kedayan	105
31	Perkahwinan Suku Kaum Kedayan, 2019	106
32	Baju Kumbamban diragakan di Indonesia	108
33	Sambutan Hari Malaysia, 2018	109
34	Restoran Cahaya Metari	109
35	Menumpang hambuyat	110
36	Pemakaian baju Kumbamban dan membudayakan budaya kaum Kedayan	110
37	Persembahan Bamukun oleh KUMALA	111

## SENARAI KEPENDEKAN

**KUMALA**

Kumpulan Mukun Anak Labuan

**WAKAL**

Wais Kadayan Labuan



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Menurut Suwardi Endraswara (2006), Budaya merupakan perkara yang berkait rapat dengan corak kehidupan manusia yang saling memelihara dan membuat perbuatan yang mampu mencipta aksi budaya. Abdul Latif Abu Bakar (1987) berpendapat budaya merupakan salah satu perkara yang sangat sukar untuk dirungkai, dan ia mempunyai makna yang luas, terperinci dalam kajian akan budaya yang merangkumi makna dan erti yang berlainan menerusi kelompok para intelektual. Menerusi pandangan daripada E.B (1958), budaya dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang kompleks dan merangkumi pelbagai cabang. Beliau juga menganggap budaya juga berkait dengan pemikiran dan kelakuan manusia.

Menurut Siti Syibrah Hazwani (2020), melalui kajian yang bertajuk Uniknya Warisan Budaya Etnik Kedayan telah menyatakan bahawa suku kaum Kedayan suka untuk berhijrah ke wilayah lain dan masih mengekalkan hubungan yang erat sesama bangsa suku kaum Kedayan.

Kamus Dewan mentakrifkan Kedayan sebagai "pengiring" atau "hamba" (Noresah Baharom, 2005). Ini berkaitan dengan cara masyarakat berkenaan mengikuti raja pada zaman feudal. Menurut Parnell (1911), perkataan Kedayan berasal daripada perkataan Melayu Kodi (score), dan apabila ia mendapat akhiran "an", ia menghasilkan bunyi yang sama seperti "Kodian." 150–151. Penulis yang menulis tentang masyarakat Kedayan menggunakan sepuluh ejaan untuk terminologi Kedayan.

Antaranya termasuk Kadaian dan Kadian (Maxwell, 1970, hh). ayat 87-103). Sultan Bolkiah (Sultan Brunei Kelima) membawa etnik Kedayan dari Jawa. Asal usul kedatangan Kedayan ke Brunei dikaitkan dengan pertarungan sabung ayam antara Putera Jawa dan Sultan Brunei. Selepas memenangi pertandingan sabung ayam, sultan Brunei menerima hadiah yang banyak untuk dibawa pulang ke Brunei.

Secara keseluruhan "Kedayan" pada mulanya merujuk kepada pekerjaan sebagai pengiring raja. Etnik Kedayan mula terbentuk apabila mereka semakin banyak (Sablee Bagol, 1994; A. Ms. Hasanani, 2008, muka surat 166). Oleh kerana negara Brunei pernah memerintah Sarawak dan Sabah. Perkara ini menyebabkan orang Kedayan juga tinggal di sana. Sekitar 240 000 individu daripada kumpulan etnik ini tinggal di Borneo (Amde Sidik, 2007; M. Saiful Japar, tahun 2009. Sebagai penganut agama Islam, masyarakat Kedayan secara keseluruhannya dianggap terpengaruh oleh proses penyebaran Islam di Brunei pada akhir abad ke-15 (Harrison, 1972).

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Busana merupakan warisan tidak ketara. Hal ini kerana ia merupakan sesuatu yang boleh dilihat dan disentuh. Ia juga merupakan tradisi yang telah digunakan sejak turun temurun lagi. Hal ini kerana ia juga merupakan identiti bagi sesebuah kaum. Ia dapat membezakan antara corak kehidupan, sosial, ekonomi, kepercayaan dan sebagainya. Oleh itu, busana merupakan peninggalan yang mesti dijaga dengan sebaiknya. Setiap masyarakat mestilah melestarikan busana supaya ia tidak ditelan zaman seiring dengan peredaran masa.

Menurut Siti Zainon Ismail (1997) busana merupakan sesuatu yang berharga dan boleh mencirikan identiti sesebuah kaum. Busana berasal daripada Sanskrit, bhusana, yang bermaksud pakaian lengkap dengan perhiasan. Selain itu, menurut Alias Zakaria dan Mastura Mohamed Berawi (2019), busana adalah pakaian tradisi yang lengkap.

Kegunaan asas pada pakaian ialah untuk melindungi tubuh daripada terdedah dengan cuaca panas atau sejuk. Busana juga terutama dari segi pembuatan daripada bahan semula jadi seperti rumput, Dalang atau kulit binatang. Penggunaan benang dan proses menenun mula wujud selepas perkembangan teknologi (Siti Zainon Ismail, 2006). Melalui Mohd Rosli Saludin yang ditulis pada tahun 2004, telah menyatakan dalam penulisan beliau iaitu busana merupakan pakaian yang terdiri daripada baju, perhiasan dengan barang kemas, solekan dan juga perhiasan kepala.

Identiti etnik boleh ditakrifkan sebagai salah satu kumpulan yang bersasarkan dengan latar belakang melalui sejarah, asal usul, dan pengetahuan, dan ia boleh dikenal pasti melalui keahlian, pegangan prinsip hidup, dan bahasa oleh Forney (1980). Shamsul (1996) menyatakan bahawa identiti etnik boleh ditakrifkan sebagai proses pengalaman peribadi. Ini menghasilkan pemahaman tentang pelaku sebagai ahli kumpulan etnik, yang terbit dan terpengaruh oleh pengalaman mereka, terutamanya dalam bahagian tertentu kehidupan mereka.

Pakaian tradisi ini beridentitikan dengan warna hitam dan merah dan dihiasi dengan butang tipai pada baju lelaki dan baju bersuja berkubambam bagi perempuan yang digunakan semasa waktu bersanding. Namun, keunikan pada etnik Kedayan terletak pada budaya dan tradisi perlu diteruskan dan diserasikan pada masyarakat setempat agar terus diamalkan bagi generasi yang akan datang.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Amde Sidek (2009), suku kaum Kedayan kurang dikenali dan kurang kajian yang dibuat berkaitan dengan suku kaum Kedayan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji isu yang dihadapi oleh masyarakat mengenai sikap tidak peduli mereka terhadap pakaian kaum Kedayan, yang benar-benar unik di Labuan. Tradisi kebudayaan suku kaum Kedayan dipercayai mempunyai kisah dan sejarah yang menarik, terutamanya berkaitan dengan sejarah silam masyarakat Labuan. Masyarakat dikatakan tidak peka dan menghargai tradisi ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejarah pakaian tradisi suku kaum Kedayan.

Seterusnya, berkaitan dengan persepsi masyarakat cara untuk mengangkat kembali busana tradisi suku kaum Kedayan ini. Hal ini kerana busana tradisi ini merupakan identiti bagi suku kaum Kedayan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan persepsi untuk melestarikan busana tradisi masyarakat suku kaum Kedayan. Salah satu masalah yang dihadapi ialah penyebab masyarakat tidak gemar untuk menggunakan baju tradisi ini semasa perkahwinan. Bahkan, hal ini juga bertujuan untuk merungkai lebih mendalam untuk mendapatkan jawapan yang daripada pihak lain bagi menyokong kajian yang dikaji.

Keupayaan untuk mengekalkan pakaian adat suku Kedayan adalah isu seterusnya. Nilai dan warisan kaum Kedayan patut dikekalkan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah langkah untuk melestarikan busana suku kaum Kedayan. Ini adalah hasil

daripada fakta bahawa pakaian adat suku Kedayan kurang dikenali dan tidak tahu kewujudan baju tradisi kaum Kedayan tersebut. Pengkaji juga mendapati terdapat percampuran budaya yang menyebabkan kebudayaan kaum Kedayan terhakis.

Akhir sekali, kajian ini dijlankan oleh pengkaji disebabkan kajian berkaitan dengan busana kurang dilakukan. Hal ini dapat dibuktikan melalui pencarian data berkaitan kajian kurang terutama dalam *google scholar*. Kajian yang dibuat pada suku kaum Kedayan hanya berfokuskan kepada kepercayaan, bahasa dan juga adat. Namun, perihal berkaitan dengan busana bagi suku kaum Kedayan tidak ada dijalankan. Di Labuan majoritinya merupakan penduduk yang terdiri daripada suku kaum Kedayan dan juga Melayu Brunei. Pengkaji memfokuskan kawasan kajian di Kampung Sungai Lada yang di mana merupakan berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji dan terdapat suku kaum Kedayan dalam kalangan penduduk di Kampung Sungai Lada. Hal ini menyebabkan pengkaji memberi fokus terhadap suku kaum Kedayan dan membuat kajian berkaitan dengan busana tradisi suku kaum Kedayan. Pengkaji juga berharap melalui penulisan kajian ini dapat membantu pengkaji lain dan dapat dijadikan panduan dalam menjalankan kajian mereka. Pada masa yang sama juga dapat menunjukkan identiti masyarakat kaum Kedayan melalui penulisan dalam kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Menurut Creswell (2005:61), persoalan kajian merujuk kepada isu, kontroversi atau keprihatinan pengkaji berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Melalui persoalan kajian ini dibina berdasarkan dengan objektif kajian. Soalan kajian ini amatlah membantu dalam menyelidik dan hala tuju yang jelas dalam proses penyelidikan. Terdapat tiga persoalan dalam kajian ini, Antaranya:

- i. Bagaimanakah sejarah pakaian suku kaum Kedayan?
- ii. Sejauhmanakah persepsi masyarakat di Kampung Sungai Lada mengenai busana suku kaum Kedayan?
- iii. Apakah langkah untuk melestarikan busana suku kaum Kedayan?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat tiga objektif kajian dalam kajian ini, Antaranya:

- i. Mengenal pasti sejarah pakaian suku kaum Kedayan.
- ii. Mengkaji persepsi masyarakat di Kampung Sungai Lada mengenai busana suku kaum Kedayan.
- iii. Membincangkan langkah untuk melestarikan busana suku kaum Kedayan.

## 1.6 SKOP KAJIAN



Rajah 1: Peta dan Lokasi Kampung Sungai Lada, W.P Labuan

Sumber: *Google Map*

Rajah 1 di atas menunjukkan peta dan lokasi pengkaji menjalankan kajian iaitu di Kampung Sungai Lada di W.P Labuan. Selain itu, kajian ini berfokuskan kepada busana tradisi suku kaum Kedayan. Pengkaji menggunakan kaedah campuran bagi mendapatkan data kajian. Kaedah kualitatif terdiri daripada temu bual dan pemerhatian manakala kaedah kuantitatif ialah borang soal selidik. Kajian ini menggunakan faktor teori persepsi yang dipelapor oleh Miftah Thoha. Hal ini kerana untuk melihat sejauhmanakah pengetahuan dan pemahaman penduduk di Kampung Sungai Lada berkaitan dengan kebudayaan kaum Kedayan dan pandangan mereka.



## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Diharap kajian ini yang telah dibuat ini dapat memberi panduan dan juga rujukan kepada individu, masyarakat dan juga masyarakat. Antara kepentingan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Individu**

Kajian ini dibuat bertujuan untuk memberi pengetahuan dengan lebih meluas dan mendalam mengenai suku kaum Kedayan di Labuan. Pengkaji juga berharap agar kaedah yang sesuai digunakan bagi melestarikan busana tradisi suku kaum Kedayan dijaga dan merupakan salah satu warisan budaya yang perlu dilindungi. Kajian ini juga diharapkan agar dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak yang ingin merujuk kajian ini sebagai panduan dalam menjalankan penyelidikan yang sama dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini.

### **1.7.2 Masyarakat**

Penyelidikan ini juga dapat memberi manfaat dan kepentingan kepada masyarakat terutama dalam memupuk kesedaran dan menambah pengetahuan terhadap suku kaum Kedayan. Penyelidikan ini bertujuan untuk menyedarkan kepada masyarakat kini akan kepentingan dalam pelestarian busana tradisi suku kaum Kedayan kerana ia merupakan salah satu daripada warisan budaya. Penggunaan pakaian suku kaum Kedayan jarang digunakan di Labuan. Di samping itu, generasi kini kurang didedahkan mengenai

pakaian suku kaum Kedayan dalam masyarakat. Oleh itu, masyarakat perlu bersikap perihatin dan bertanggungjawab dalam usaha memartabatkan pakaian etnik suku kaum Kedayan daripada terus terbiar dan diabaikan. Pakaian suku kaum Kedayan merupakan tradisi secara turun temurun yang perlu dipertahankan secara generasi ke generasi kerana ia mempunyai nilai sejarah warisan yang penting sebagai simbolik di Labuan.

### **1.7.3 Negara**

Jika busana tradisi suku kaum Kedayan ini dikenali, ia dapat memberikan pengetahuan kepada orang lain terutama berkaitan dengan etnik yang terdapat di Labuan. Tambahan pula, pengkaji membuat kajian ini bagi melestarikan busana tradisi suku kaum Kedayan yang semakin jarang didedahkan kepada umum. Hal ini disebabkan oleh pemodenan dan juga peredaran masa telah menyebabkan tradisi kebudayaan itu tidak dimartabatkan. Pengkaji juga berharap melalui penulisan kajian ini dapat membuka mata dan minda kepada semua pihak untuk mengenali etnik yang terdapat di Labuan. Pada masa yang sama juga, pengkaji berharap melalui penulisan ini pelbagai pihak dapat membezakan etnik di Labuan, Sabah dan Sarawak. Hal ini dikatakan, mereka kurang didedahkan dengan pelbagai etnik peribumi yang lain terutamanya di Borneo.

## 1.8 KESIMPULAN

Bab ini bertujuan untuk mengkaji lebih mendalam berkaitan dengan sejarah dan evolusi pakaian suku kaum Kedayan di Labuan. Busana yang dipakai oleh orang Kedayan adalah salah satu warisan penting yang perlu dilindungi dan dijaga. Ini kerana ia unik dan mempunyai identiti simbolik yang unik untuk kaum Kedayan. Selain itu, kajian ini mengkaji pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang warisan budaya yang tidak ketara ini dari segi nilainya dalam sejarah dan perkembangan semasa. Ini adalah untuk melihat akan pengetahuan dan perhatian terhadap warisan yang ada.

Selain itu juga, kajian terhadap suku kaum Kedayan kurang dijalankan. Hal ini kerana suku kaum Kedayan tidak digemari oleh pihak penyelidik untuk dijadikan sebagai kajian. Pengkaji juga mendapati kekurangan sumber berkaitan dengan suku kaum Kedayan dan berharap kajian yang dilakukan ini dapat menjadi rujukan kepada mana-mana pihak serta memberikan pengetahuan terhadap kaum Kedayan.

Akhir sekali, perkara ini untuk memberikan gambaran yang spesifik berkaitan dengan suku kaum Kedayan. Hal ini kerana suku kaum Kedayan juga mempunyai simbolik mereka sendiri terutama pada pakaian mereka seperti penggunaan warna merah dan hitam. Di Labuan, baju suku kaum Kedayan dinamakan sebagai baju Kumbaban bersempena nama daripada lonceng yang diperbuat daripada tembaga.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Menurut Beryman dan Bell (2003) dan Creswell (2005), sorotan kajian merupakan bahan rujukan bagi penyelidik. Sorotan kajian juga hendaklah ringkas, disintesis, jelas, dinilai, dianalisis dan mengungkap kajian kepustakaan yang ditetapkan pengkaji.

Amani Dahaman (2011), melalui tinjauan literatur merupakan ulasan kepada maklumat yang diperoleh melalui jurnal, buku, peristiwa dan tesis bagi sesuatu penyelidikan baharu. Kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu akan menjadi rujukan bagi penyelidik yang lain. Ia sama ada dalam jurnal, artikel, buku, dan sebagainya. Ia juga memerlukan tinjauan daripada pembacaan dan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat yang sistematik. Sorotan kajian berguna kerana dapat memberikan idea dan gambaran pada penyelidikan yang dijalankan. Pada dasarnya, penulisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan minat dan penetapan kaedah pengkaji itu sendiri.

## 2.2 WARISAN TIDAK KETARA

Pemuliharaan Warisan Tidak Ketara: Kajian Kuih Bunga Puduk di Alor Setar, Kedah ialah kajian yang ditulis oleh Siti Nur Liyana Binti Bakhari pada tahun 2022. Tujuan kajian ini adalah untuk mempelajari pemuliharaan warisan tidak ketara—Kuih Bunga Puduk di Alor Setar, Kedah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan sejarah dan keistimewaan kuih bunga puduk, menerangkan proses pembuatan, dan mengkaji cara komuniti di Alor Setar, Kedah terlibat dalam pemeliharaannya. Kajian Kuih Bunga Puduk dilakukan melalui kaedah kualitatif. Kajian ini mendapati bahawa kuih Bunga Puduk berasal daripada Kedah dan diberi nama berdasarkan pokok Bunga Puduk yang terdapat di persisir pantai.

Selain itu, kajian pada tahun 2019 oleh Ruslim dan Hazlin berjudul Pemuliharaan Hadrah Sebagai Warisan Tidak Ketara Di Negeri Perlis. Sejarah Hadrah di Perlis dikaji dalam penyelidikan ini. Kajian menyiasat peranan Hadrah dalam masyarakat negeri Perlis dan mencadangkan pemuliharaan warisan itu di negeri Perlis. Kaedah kualitatif digunakan untuk menjalankan kajian dan data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian, analisis data dan nota kajian lapangan. Hasil kajian menunjukkan sejarah persembahan Hadrah yang dibawa oleh pedagang Arab. Persembahan ini pada mulanya ditunjukkan di istana tetapi ia kemudiannya menjadi popular di kalangan rakyat Malaysia.

Kemudian, kajian pada tahun 2019 oleh Mazlina Pati Khan, Pengurusan Maklumat Warisan Tidak Ketara di IWN: Satu Analisis Koleksi Seni Persembahan Mak Yong, dibincangkan. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan peranan Institut

Warisan Negara (IWN) dalam memelihara dan memulihara maklumat Warisan Tidak Ketara (WTK) dengan menggunakan kaedah dokumentasi koleksi seni persembahan Mak Yong. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kajian kes kualitatif. Kajian mendapati bahawa koleksi Mak Yong yang diselenggara oleh IWN di negara ini masih tidak menyeluruh kerana beberapa aspek seni persembahan Mak Yong memerlukan dokumentasi yang lebih mendalam. Perwatakan, kekaguman, pemikiran, diksi dan bunyi yang digunakan dalam seni persembahan Mak Yong adalah contohnya.

Selain itu, kajian Warisan Budaya Tidak Ketara Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Kajian Kes Upacara Koi Hoi Di Kampung Pasir Parit telah ditulis pada tahun 2021 oleh Leng Yan Eyo, Rosdeen Suboh dan Giok Hun Pue. Warisan kebudayaan itu sendiri harus dilindungi dan diperkasakan melalui penyelidikan ini. Ini adalah akibat daripada populasi minoriti yang kurang dikenali, terutamanya Cina Peranakan Kelantan. Kajian lapangan digunakan sebagai metodologi kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa upacara koi hoi adalah amalan tao yang diwarisi di Tanah Melayu sejak 300 tahun yang lalu.

Seterusnya, kajian bertajuk Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan Dan Penguatkuasa telah ditulis oleh Mohd Yuszaidi Mohd Yusoff dan Muammar Ghaddafi Hanafiah pada 2015. Kajian ini mengkaji kesan undang-undang terhadap warisan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana Akta Warisan Kebangsaan melindungi warisan negara. Kajian ini telah dijalankan melalui kaedah kualitatif yang melibatkan pemerhatian dan kajian

kepastakaan untuk mengumpul maklumat. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengkaji berharap dapat membantu menjaga warisan negara.

### **2.3 SUKU KAUM KEDAYAN**

Ernie Zahdina Haji Md Seruddin (2019) ada menyatakan suku kaum Kedayan merupakan salah satu daripada tujuh suku yang diiktiraf di Brunei. Mereka boleh didapati di mana-mana di Brunei Darussalam. Dialek mereka berbeza dengan dialek Melayu Brunei dari segi linguistik. Walau bagaimanapun, mereka beragama Islam dan dikenali sebagai "oesuku Melayu" di Brunei. Suku Kedayan adalah animis dan terkenal sebagai petani dan pembuat ubat tradisional pada zaman dahulu. Mereka melakukan pelbagai pantang larang setiap hari, menggunakan mantera, dukun dan sebagainya.

Ros Aiza Mohd Mokhtar dan Che Zarrina Sa'ar (2016) berpendapat suku kaum Kedayan merupakan etnik yang tinggal di pulau Borneo termasuk Brunei, Sarawak dan Sabah. Mereka yang beragama Islam dipercayai terdedah kepada penyebaran agama Islam pada akhir abad ke-15 semasa Kesultanan Brunei. Oleh itu, berbanding dengan etnik lain di Pulau Borneo, mereka dianggap memahami Islam dengan lebih baik. Mereka juga menyedari pendidikan Islam dengan baik. Ini berlaku di banyak sekolah agama yang ditubuhkan untuk mengajar pendidikan Islam di Sipitang di mana kebanyakan orang adalah Kedayan. Orang Kedayan dikaitkan dengan adat dan tradisi unik yang telah diwarisi sejak beberapa abad yang lalu.

Menurut Amdee Sidek (2009), penghijrahan di Brunei yang pertama ialah bangsa Kedayan. Kisah ini bermula pada abad akhir ke 17 dan awal abad ke 18. Selain itu, penempatan awal suku kaum Kedayan di Sabah ialah di Spitang, Beaufort, Kuala Penyu, Papar dan juga Labuan. Terdapat juga sebahagian di Sarawak. Penghijrahan dari Brunei disebabkan oleh faktor ekonomi dan pertanian. Tambahan pula, kaum Kedayan merupakan kelompok yang kecil dan jarang di ambil perhatian malah sukar untuk membezakan mereka kecuali pada jarak yang dekat.

## 2.4 PELESTARIAN

.Nur Atiqah Zainuren (2023) iaitu pelestarian kain cindai merupakan kajian kes yang dilakukan di Galeri Tenun Johor. Masyarakat Melayu mempunyai kain cindai sebagai pakaian mereka suatu ketika dahulu. Mencari persepsi orang ramai tentang penggunaan kain cindai di Johor melihat cara kain cindai dipulihkan di Galeri Tenun Johor dan mengkaji cara pihak berkepentingan melestarikan kain cindai. Seterusnya, untuk menambah baik kajian mereka pengkaji telah menggunakan kaedah kajian campuran yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini termasuk temu bual, kerja lapangan dan pemerhati sebagai peserta. Hasilnya, terdapat enam tema yang berkaitan dengan profil, demografi dan pemahaman masyarakat tentang kain cindai serta penggunaan kain cindai.

Noria Tugang, Gregory Kiyai dan Beatrice Anne (2022), budaya yang dicipta oleh manusia berfungsi sebagai lambang dan identiti kaum untuk membezakan mereka daripada komuniti atau kelompok lain. Terdapat pelbagai jenis warisan budaya yang



dicipta dan diwarisi secara turun temurun. Bermula dengan budaya ketara yang melibatkan penggunaan artifak budaya dalam kehidupan seharian dan berakhir dengan aspek warisan tidak ketara, iaitu pengekalkan tradisi kulinari. Makanan mempunyai sejarah yang panjang dalam tamadun manusia. Ia bermula dengan diet ringkas dan asas semasa zaman paleolitik pertengahan, kira-kira 200 000 SM dan berkembang menjadi lebih kompleks dan mempunyai nilai estetika yang unik. Pelbagai faktor dan keadaan persekitaran mempengaruhi hal ini. Masyarakat Iban Sarawak terus menggunakan Penganan sebagai makanan tradisional mereka. Dalam budaya Iban, pengambilan dan proses pembuatannya adalah sangat penting dan tabbo yang penuh dengan pantang larang.

Farizan Mohamad Razuri (2022), gamelan Melayu telah dibawa ke Pahang dari Istana Kesultanan Johor-Riau-Lingga pada tahun 1800-an. Pada abad ke-19 telah berkembang di istana Pahang sebelum pergi ke Terengganu melalui perkahwinan diraja. Identiti gamelan Melayu secara beransur-ansur dibentuk oleh rentetan sejarah yang panjang ini. Hal yang membezakannya daripada jenis gamelan lain di seluruh dunia. Gamelan Melayu, seni yang dahulunya tertumpu kepada istana kini menjadi sehingga diiktiraf sebagai warisan dan sebahagian daripada masyarakat Malaysia Akta Warisan Kebangsaan melindungi negara (Akta 645).

Daeng Haliza et al. (2023), setelah diiktiraf oleh UNESCO pada 2012, Lembah Lenggong adalah salah satu tempat arkeologi yang paling penting bagi ahli arkeologi. Daerah kecil ini telah memainkan peranan penting dalam warisan Malaysia, menurut maklumat arkeologi yang ditemui di Lembah Lenggong. Komuniti setempat perlu

proaktif dalam menyokong usaha pihak bertanggungjawab untuk memastikan warisan negara dilindungi. Makanan warisan Kebebe, Cendol Sagu Rumbia, dialek Melayu Patani, dan pembuatan atap rumbia adalah empat ciri yang menjadikan Lembah Lenggong unik. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa komuniti setempat berusaha untuk melestarikan warisan tempatan mereka. Dipercayai bahawa pertumbuhan ekonomi dan sosial setempat boleh dipertingkatkan melalui penyertaan komuniti setempat dalam pemuliharaan warisan.

Sudirman Kiffli et al. (2022), pengadaptasi sastera kepada filem kebelakangan ini menjadi trend dalam kalangan pihak pembuatan filem kerana ia mempunyai keupayaan untuk memberikan kesan positif yang berganda kepada mereka. Daripada sudut pandangan bidang kesusasteraan melalui trend tersebut dilihat sebagai peluang besar dan memberikan peluang yang besar untuk bidang itu berkembang. Platform adaptasi mengalami evolusi yang boleh digunakan untuk mempelbagaikan cara kandungan karya sastera disampaikan boleh disukai oleh penonton. Pengadaptasian sastera kepada filem juga membolehkan cerita yang terdapat dalam karya sastera lebih mudah difahami terutamanya kepada generasi muda.

Gregory Kiyai dan Noria Tugang (2020), Masyarakat Iban Sarawak mempunyai pelbagai warisan dan budaya yang telah dibawa dari generasi ke generasi. "Warisan" dan "Pusaka" adalah dua komponen utama kebudayaan Iban. Warisan ialah istilah yang merujuk kepada kemahiran tradisi, kepercayaan dan gaya seni dalam budaya Iban yang ditinggalkan oleh Petara (Tuhan) kepada masyarakat Iban manakala Pusaka merujuk kepada pemilikan peribadi dan bersifat materialistik semata-mata. Walau

bagaimanapun, kedua-dua komponen ini terus mempunyai peranan yang sangat penting dalam budaya Iban. Di samping mengklasifikasikan istilah "pusaka" dan "warisan," kajian ini menumpukan pada artifak budaya masyarakat Iban. Penyelidikan utama menggunakan memori kolektif dan temu bual dengan pakar budaya Iban.

## **2.5 BUSANA**

Kajian lepas mengenai busana dilakukan oleh Pembudayaan Reka Bentuk Busana Tradisional Masyarakat Dusun Tindal Di Sabah ialah kertas kerja yang ditulis oleh Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin, dan Noria ak Tugang pada tahun 2017. Busana tradisional Dusun Tindal, yang dikenali sebagai sinuranga (pakaian lelaki) dan rinagan (pakaian wanita), dan cara mereka digunakan semasa perayaan dan upacara adat menunjukkan cara masyarakat Dusun Tindal mengekalkan tradisi mereka. Kaedah kerja lapangan digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data dan menganalisis maklumat mengenai struktur reka bentuk busana yang berkaitan dengan gambaran pembudayaan masyarakat Dusun Tindal.

Seterusnya, penulisan buku dibuat oleh Alias Zakaria dan Mastura Mohamed Berawi pada tahun 2019 bertajuk Busana Tradisional Negeri Sembilan. Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan mengenai busana harian, adat istiadat, busana pengantin, busana persembahan kebudayaan dan kesenian. Selain itu, pemakaian busana menampakkan perilaku terpuji, keperibadian dan juga martabat pakaian.

Dalam kajian Analisis Semiotika Busana Adat Bagi Perempuan Di Pulau Buru, yang ditulis pada tahun 2020, M Chairul Basrun Umanilo Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana pakaian tradisional memainkan peranan dalam aktiviti ritual dan adat masyarakat Pulau Buru. Selain itu, ia menjelaskan bagaimana pakaian berfungsi sebagai simbol identiti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pemerhatian dan temu bual diikuti dengan kaedah semiotik. Hasil daripada dapatan kajian ini untuk mendedahkan maksud tanda yang diguna serta mendedahkan mesej yang tersembunyi dalam pakaian tradisional masyarakat di Pulau Buru.

Adilah Binti Hj. Jusoh melalui kajian Citra Busana Dalam Naskhah Melayu Syair Agung yang ditulis pada tahun 2015. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis citra busana dalam NMSA. Ia memberikan penjelasan tentang bahan, corak, warna, pembuatan busana, dan mengkaji kesan busana yang digambarkan kepada masyarakat melalui teks Citra Busana dalam Naskhah Melayu Syair Agung. Pengkaji ini mengumpul data relevan dan menggunakan pendekatan estetika untuk menganalisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa teks menggambarkan pelbagai jenis pakaian yang dikategorikan kepada pakaian, perhiasan, peralatan atau kelengkapan.

Pada tahun 2019, Nurfahrina Abal Mukam dan Humin Jusilin menjalankan kajian berjudul "Representasi Budaya Dalam Rekaan Bentuk Busana Perkahwinan Masyarakat Bisaya Di Beaufort." Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana pengaruh asimilasi budaya dan fenomena kehidupan moden yang sentiasa berubah mempengaruhi penampilan berpakaian yang beralih daripada tradisional kepada kontemporari. Di lapangan pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual

dan rakaman audio visual. Pengkaji mendapati bahawa komponen bentuk dan gaya hias busana perkahwinan merupakan representasi artistik melalui representasi budaya, adat istiadat dan persekitaran. Warisan budaya dan cara hidup biasa orang Bisaya di Sabah juga boleh dikaitkan dengan gaya perkahwinan yang berbeza.

## **2.6 KERANGKA TEORI**

Rangka kerja teori, juga dikenali sebagai rangka kerja konsep, ialah struktur konsep atau pandangan teori yang membantu memahami, menganalisis dan mentafsir sesuatu fenomena atau masalah. Rangka kerja teori digunakan dalam pelbagai disiplin, termasuk sains sosial, sains semula jadi, perniagaan, dan lain-lain. Wanbroad (1986) menyatakan bahawa kerangka teori termasuk penyusunan konsep yang sistematik yang berkaitan dengan peristiwa yang sedang dikaji atau penjelasan yang sistematik tentang set pemboleh ubah tertentu. Ia juga digunakan untuk membezakan kerangka teori daripada konsep, model, dan elemen lain yang berkaitan. Misalnya, daripada membincangkan setiap komponen teori yang berkaitan dengan isu yang dikaji, Garisson (2000) telah menggunakan istilah "paradigma umum" untuk merujuk kepada himpunan andaian.

Fungsi utama kerangka teori adalah untuk memberikan hala tuju dan asas pemikiran yang kukuh kepada penyelidik atau pakar untuk merumuskan persoalan kajian iaitu melalui bentuk kajian atau eksperimen, mengumpul, menganalisis data dan mentafsir hasil penyelidikan.

### 2.6.1 Latar belakang Miftah Thoha



Rajah 2: Miftah Thoha

Sumber: *Facebook*

<https://www.facebook.com/share/tpqXSYk6Ky6E57xx/?mibextid=WC7FNe>

Berdasarkan rajah 2 di atas ialah Miftah Thoha yang merupakan pencetus teori persepsi. Miftah Thoha atau dikenali sebagai Prof. Dr. Miftah Thoha. Beliau dilahirkan di Sugihwaras, Bojonegoro pada 6 Jun 1943.

Taraf pendidikan beliau bermula di Pesantren Darul Ulum Redjoso Peterongan di Jombang dan pada peringkat menengah atas di Malang, Jawa Timur (1963). Pada peringkat tinggi, beliau melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Gadjah Mada (1969) dalam bidang Sains pentadbiran awam. Setelah itu, beliau telah menyambung pada peringkat sarjana dalam bidang pentadbiran awam di *University Southern California* (USC), Los Angeles dan PhD di *University Philadelphia*. Salah satu karya terkenal yang dihasilkan oleh beliau ialah *Perilaku Organisasi* dan telah diterbitkan pada tahun 1983.

## 2.6.2 Teori Persepsi

Miftah Thoha (2002) berpendapat mengenai persepsi pada dasarnya adalah proses kognitif yang dialami oleh semua orang apabila mereka memahami maklumat tentang persekitaran mereka melalui penglihatan, pendengaran, persepsi, perasaan dan bau. Malah, bagi memahami persepsi sangat penting untuk menyedari bahawa persepsi merupakan tafsiran keadaan yang berbeza dan bukannya rekod yang tepat.

Menurut Miftah Thoha (2003), persepsi terbentuk pada beberapa tahap. Antaranya:

### **i. Rangsangan**

Perkara ini terjadi ketika seseorang berhadapan dengan sesuatu perkara atau situasi. Perkara ini mungkin disebabkan oleh rangsangan penderian jarak dekat secara langsung.

### **ii. Mendaftar**

Dalam proses pendaftaran, simptom yang boleh dilihat ialah mekanisme fizikal dalam bentuk penderiaan dan keadaan seseorang untuk mempengaruhi melalui organ deria yang mereka miliki. Seseorang boleh mendengar atau melihat maklumat yang dihantar kepadanya, kemudian mendaftarkan semua maklumat yang dihantar kepadanya.

### **iii. Tafsiran**

Tafsiran adalah komponen persepsi yang sangat kognitif kerana dorongan memberi makna kepada proses. Cara seseorang meneroka, motivasi mereka, dan watak mereka mempengaruhi proses tafsiran.

### **iv. Maklum Balas**

Maklum balas adalah langkah terakhir. Proses ini boleh memberi kesan kepada persepsi seseorang. Seorang pekerja akan dimaklumkan kepada atasan mereka tentang prestasi kerjanya, sebagai contoh. berpaling ke belakang dan memandang wajahnya yang lebih besar, keningnya yang terangkat, bibirnya yang rapat, matanya yang tidak berkelip, dan suaranya yang merungut seperti mahu ditelan sendiri. Persepsi pekerja dipengaruhi oleh maklum balas seperti ini. Pemimpin boleh terkejut dan memuji pekerja mereka atas usaha mereka. Tetapi bos tidak berpuas hati dengan kepercayaan yang salah pekerjaanya.

## **2.6.2 Faktor Teori Persepsi**

Terdapat dua faktor yang mempengaruhi persepsi menurut Miftah Thoha (2003):

### **i. Faktor Dalaman**

Sentimen, sikap dan personaliti individu, prasangka, keinginan atau harapan, perhatian, proses pembelajaran, keadaan fizikal, keperluan dan dorongan.



## ii. Faktor Luaran

Latar belakang keluarga, maklumat, pengetahuan, persekitaran, ukuran, perkara baru dan juga objek.

### 2.7 KESIMPULAN

Oleh itu, kajian lepas sangat membantu pelaksanaan penyelidikan yang berkaitan dengan subjek kajian. Kajian terdahulu boleh memberi maklumat dan panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dengan sistematik dan tepat berdasarkan maklumat ini. Pengkaji berharap kajian ini akan memberi manfaat kepada pengkaji lain yang ingin menggunakannya sebagai rujukan atau panduan untuk kajian mereka yang akan datang.

Bab ini juga memberikan ringkasan kajian terdahulu. Kajian yang dijalankan sangat mendalam dan penuh dengan data yang boleh digunakan sebagai panduan. Selain itu, kajian ini memberikan penjelasan ringkas berdasarkan kajian sebelumnya. Ini untuk meningkatkan maklumat dan meneliti. Selain itu, ia bertujuan untuk mencegah salah faham atau maklumat yang salah tentang kajian yang telah dijalankan. Hal ini berdasarkan pecahan yang telah dibuat dan aplikasi teori yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab ini memberikan penjelasan tentang metodologi yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian. Proses kajian yang dibuat secara teratur dan tersusun untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dikenali sebagai metodologi kajian. Kajian ini dilaksanakan melalui beberapa kaedah penyelidikan.

Kaedah dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini harus sesuai dengan matlamat kajian. Temu bual, borang soal selidik, pemerhatian, kepustakaan dan internet adalah beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji

## 3.2 REKA BENTUK KAJIAN


Reka bentuk kajian dibina oleh pengkaji untuk memudahkan mendapatkan maklumat. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah gabungan atau *mixed method* yang terdiri daripada kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Dalam kajian ini, data primer dan data sekunder digunakan untuk mencapai objektif kajian.

### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif merupakan gambaran data yang boleh diperhatikan melalui kajian yang dilakukan (Lexy, 2007) dalam penggunaan kaedah temu bual dan pemerhatian. Kaedah ini bersifat objektif dan berasaskan fakta. Menurut Leavy (2009), Data yang diperoleh melalui kaedah ini merangkumi beberapa jenis kajian seperti kajian etnografi yang melibatkan penyelidikan terhadap kebudayaan, kepercayaan dan tingkah laku sesebuah masyarakat. Selain itu, menurut Yin (2009), kajian kes adalah penyelidikan tentang sesuatu perkara yang menjadi fenomena yang luar biasa dalam suatu masyarakat dan kajian sejarah yang dilakukan untuk mengetahui asal usul. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan kajian kualitatif berbentuk kajian etnografi, kajian kes dan kajian sejarah dalam pelestarian busana tradisi suku kaum Kedayan.

Kajian etnografi dan kajian sejarah digunakan oleh pengkaji untuk menjawab objektif satu. Hal ini yang mana pengkaji mengkaji kebudayaan suku kaum Kedayan dari aspek sejarah, latar belakang dan juga kebudayaan. Selain itu, kajian kes digunakan oleh pengkaji untuk menjawab objektif dua dan tiga. Objektif dua, pengkaji ingin

melihat persepsi penduduk di Kampung Sungai Lada berkaitan dengan busana suku kaum Kedayan dan pemahaman serta pengetahuan mereka manakala objektif tiga pelestarian busana suku kaum Kedayan.



Rajah 3: Kaedah Kualitatif

### 3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kajian ini memerlukan objektif dan fakta. Menurut Saidi (2019), kaedah kuantitatif mempunyai kaitan dengan nombor. Oleh sebab itu, kaedah ini melibatkan data saintifik (Wellington dan Szczerbinski, 2007). Hasil dapatan data dapat diukur dan dihitung menurut Saidi (2019). Oleh hal yang demikian, tinjauan ini dilakukan dalam bentuk soal selidik atau tinjauan.

Selain itu, tinjauan deskriptif membantu pengkaji menganalisis data kuantitatif melalui pengiraan purata (min) bagi skala likert. Instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah melalui borang soal selidik dan juga pengisian *google forms*. Data yang diperoleh dianalisis dan dijelaskan dalam bentuk nombor dengan menggunakan kaedah skala likert lima mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju.

<b>JADUAL SKALA LINKERT 5</b>	<b>2 PERINGKAT</b>
<b>PERINGKAT</b>	
Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)
Tidak Setuju (TS)	
Kurang Setuju (KS)	
Setuju (S)	Setuju (S)
Sangat Setuju (SS)	

Jadual 3.1: Skala Likert 5 Peringkat

### 3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengkaji menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu data primer dan juga data sekunder.

#### 3.3.1 Data Primer

Menurut Jasmi (2012) dan Bailey (2008) berpendapat data primer merupakan dapatan data utama yang didapati melalui kajian. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji seperti kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah soal selidik.

##### i. Pemerhatian

Melalui kajian ini, pengkaji melakukan kaedah pemerhatian sebagai peserta. Pengkaji juga turut serta dalam persekitaran sosial yang dikaji. Menurut Kawulich (2012), penyelidik tidak termasuk dalam kajian. Melalui kajian ini membolehkan pengkaji berinteraksi antara satu sama lain dengan menggunakan kaedah temu bual. Oleh itu, pengkaji telah pergi ke lapangan untuk melihat busana tradisi suku kaum Kedayan dengan lebih dekat. Selain itu, pengkaji dapat memahami keunikan pada busana suku kaum Kedayan.

##### ii. Temu bual

Pengkaji telah melakukan kaedah temu bual separa berstruktur. Hal ini kerana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang mendalam dan berkait dengan kajian. Melalui temu

bual ini, pengkaji telah temu bual seramai sembilan (9) orang untuk mendapatkan maklumat. Menurut Patton (2014), temu bual mendalam merupakan interaksi dua arah antara pengkaji dan juga responden.

### **iii. Soal Selidik dan Tinjauan**

Melalui kaedah ini pengkaji menggunakan kaedah separa soal selidik Borang soal selidik dan pengisian atas talian terbahagi kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Seramai 46 orang yang menjawab soal selidik semasa pengkaji menjalankan kajian lapangan. Manakala, tinjauan dalam bentuk *google forms* seramai 116 orang. Selain itu, pengkaji juga menggunakan skala likert dalam pemilihan jawapan pada bahagian B, C, D dan E.

### **3.3.2 Data Sekunder**

Menurut Wahab dan Ah (2016), data sekunder juga berperanan dalam menyokong kajian pengkaji misalnya melalui penulisan para sarjana terdahulu. Data yang diperoleh melalui sumber buku, thesis, jurnal dan juga keratan akhbar. Contohnya, pengkaji memerlukan sokongan untuk menyokong kajian pengkaji berkaitan dengan kajian pengkaji yang telah digunakan pada bab 2 iaitu sorotan kajian.

#### **i. Kaedah Kepustakaan**

Pengkaji telah pergi ke kepustakaan UMK untuk mencari bahan rujukan kajian pengkaji. Misalnya, buku yang ditulis oleh Amde Sidek (2009) iaitu Borneo yang

Mistik Kedayan. Buku ini berkaitan latar belakang, sejarah dan corak hidup suku kaum Kedayan.

## **ii. Internet**

Internet digunakan oleh pengkaji untuk menyokong kajian. Misalnya, pendapat tokoh, artikel, tesis dan sebagainya. Perkara ini jelas terbukti pada bab dua pengkaji iaitu pada sorotan kajian.

## **iii. Tesis**

Tesis merupakan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik. Tesis ini digunakan oleh pengkaji untuk menyokong dapatan kajian. Hal ini bagi menguatkan fakta dan dapatan kajian pengkaji.

## **iv. Jurnal**

Jurnal merupakan rujukan yang sahih dijadikan rujukan. Hal ini kerana terdapat pendapat tokoh dan ilmuwan. Pengkaji menggunakan jurnal untuk memperkuatkan lagi data dan dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji.



### 3.4 TEKNIK PERSAMPELAN BEBOLA SALJI

Melalui kajian ini pengkaji menggunakan kaedah bebola salji atau *snowball* pada temu bual. Teknik ini terbahagi kepada dua ketegori iaitu persampelan bukan keberangkalian dan persampelan keberangkalian. Pengkaji memilih responden yang berpotensi dapat memberikan maklumat yang lebih mendalam dan jelas bagi mencapai objektif kajian.

<b>Informan</b>	<b>Kriteria</b>
<b>Informan 1</b>	Mempunyai kepakaran dalam aspek sejarah dan kebudayaan suku kaum Kedayan.
<b>Informan 2</b>	Mempunyai kepakaran dalam aspek sejarah kaum Kedayan.
<b>Informan 3</b>	Mempunyai kepakaran dalam busana suku kaum Kedayan.
<b>Informan 4</b>	Mempunyai kepakaran dalam busana dan kebudayaan kaum Kedayan.
<b>Informan 5</b>	Penduduk Kampung Sungai Lada.
<b>Informan 6</b>	Peniaga dan ahli persatuan WAKAL.
<b>Informan 7</b>	Pengusaha pembuatan baju tradisi.
<b>Informan 8</b>	Penari Kebudayaan Labuan.
<b>Informan 9</b>	Penduduk Kampung Sungai Lada.

Jadual 3.2: Kriteria Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

### 3.5 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi merupakan sekumpulan individu yang mempunyai sifat yang sama. K. Jercie dan Morgan (1977) berpendapat bahawa populasi yang dilakukan dengan mudah melalui persampelan secara rawak. Populasi kajian tertumpu kepada penduduk di Kampung Sungai Lada. Berdasarkan pada jadual Krecie. RV dan Morgan, D.W (1997) sampel kajian dilakukan seramai 162 orang daripada jumlah populasi seramai 1100 orang penduduk di Kampung Sungai Lada. Seramai 938 orang yang tidak turut serta dalam menjawab soal selidik pengkaji.

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah orang</b>
Populasi	1100
Soal Selidik	162
Tidak turut serta	938

Jadual 3.3: Populasi dan sampel kajian di Kampung Sungai Lada

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

### 3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merupakan alat bantu dalam menjalankan kajian. Terdapat beberapa instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian iaitu melalui temu bual, soal selidik, perakam suara. Terdapat instrumen lain yang digunakan oleh pengkaji iaitu telefon pintar. Telefon pintar digunakan oleh pengkaji untuk berhubung dengan Informan kajian. Selain dijadikan untuk berhubung, ia juga digunakan untuk merakam

suara dan menangkap gambar.

Soal selidik juga dijadikan sebagai alat bantu kajian kepada pengkaji bagi mendapatkan nilai min. Soal selidik digunakan bagi memperoleh maklumat berdasarkan kepada empat (4) pecahan mengikut bahagian iaitu (B) *minat*, (C) *isu semasa*, (D) *kurang pendedahan* dan (E) *percampuran budaya*.

### **3.7 ANALISIS DATA**

Analisis data ialah proses menghantar atau mengubah data selepas penyelidikan. Ini kerana maklumat yang baharu dan mudah difahami (Prawiro, 2018). Salah satu teknik analisis data ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk membantu pengkaji menganalisis data penting. Selain itu, ia berfungsi untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dengan teliti (Prawiro, 2018). Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan dua teknik iaitu analisis deskriptif bagi data kuantitatif dan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif dalam kajian pengkaji.

#### **3.7.1 Analisis Deskriptif**

Analisis deskriptif merupakan teknik analisis data yang diguna oleh pengkaji. Menurut Manfaat (2018), Teknik ini digunakan oleh pengkaji untuk meringkaskan data yang diperoleh dalam bentuk teks menjadi angka atau grafik statistik. Dalam kajian ini, pengkaji telah membentuk kaedah deskriptif untuk purata min dan kekerapan. Analisis ini dilakukan seramai 162 orang responden hasil dapatan daripada soal selidik.

### 3.7.2 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan teknik analisis data yang digunakan dalam kajian kualitatif. Menurut Braun dan Clarke (2006), kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis tema dalam maklumat yang diperoleh. Proses bagi memperoleh tema tersebut melalui pembacaan data secara berulang. Menurut Fereday dan Muir-Cochrane (2006), tema yang ditentukan oleh pengkaji sangat penting untuk menghuraikan sesuatu fenomena. Ia juga bagi membolehkan pengkaji memahami makna yang diperoleh daripada data tersebut oleh Braun dan Clarke (2008). Selain itu, analisis tematik merupakan kaedah analisis data yang bersifat fleksibel. Melalui teknik terdapat enam langkah iaitu membiasakan diri dengan data, pengekodan, mencari tema, menyemak potensi tema, menentukan dan menamakan tema, serta menghasilkan laporan.

#### i. Membiasakan diri dengan data

Menurut Braun dan Clarke (2006), perkara ini membolehkan pengkaji memahami dan menganalisis maklumat yang diperoleh semasa menjalankan kajian. Melalui proses ini, pengkaji telah menukarkan hasil temu bual kepada transkrip untuk membantu memahami maksud dalam kajian melalui data yang diperoleh. Oleh itu, pengkaji telah melakukan transkripsi dengan menyalin semula isi perbualan sepanjang sesi temu bual yang telah dirakam. Selain itu, transkripsi membantu pengkaji menganalisis data mengikut kategori tertentu.

## **ii. Pengekodaan**

Proses kedua, pengkaji mengenal pasti dan melabel data penting pada transkrips temu bual. Dalam konteks ini, menurut Braun dan Clarke (2006), kod digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti dan melebel data penting kepada bahagian tertentu. Proses pengekodan dilaksanakan secara manual atau melalui perisian komputer. Proses ini dilakukan secara manual dan pengkaji terpaksa menulis nota pada bahagian tertentu dalam transkrip yang dianalisis.

## **iii. Mencari Tema**

Menurut Heriyanto (2018), pembinaan tema dilakukan untuk menghuraikan data kajian dan tema yang dibuat berkait dengan isu kajian pengkaji. Pembinaan tema bergantung dalam kajian pengkaji. Melalui proses ini, pengkaji telah menyemak semula data berkod yang telah dipilih. Perkara ini bagi mengelakkan pertindihan data dan memastikan data tersebut bersesuaian dengan isu kajian.

## **iv. Menyemak Potensi Tema**


Melalui proses ini, pengkaji perlu melakukan penyemakan semula tema yang telah diperolehi. Hal ini bagi memastikan tema yang dihasilkan sesuai dan sepadan dengan keseluruhan data yang diperolehi (Braun dan Clarke, 2006). Oleh itu, pengkaji melakukan semakan dengan membaca semula tema yang dijadualkan supaya tidak bertentangan.

**vi. Menentukan dan Menamakan Tema**

Melalui proses ini pengkaji telah menjelaskan data secara terperinci. Seterusnya, pengkaji perlu mengenal pasti perkara penting yang diperolehi dalam data. Hal ini bagi membantu pengkaji menyusun mengikut tema secara terperinci Braun dan Clarke, 2006.

**vi. Menghasilkan Laporan**

Proses akhir dalam analisis ini, pengkaji perlu memilih tema yang dapat menjawab persoalan kajian pengkaji. Tema tersebut kemudiannya akan diuraikan dengan lebih terperinci. Hal ini kerana, tujuan laporan ini dihasilkan untuk mengumpulkan data yang telah disusun dan dianalisis. Menurut Braun dan Clarke (2006), laporan yang dihasilkan perlu mengandungi data bagi menyeluruh kajian.



Rajah 4: Kerangka Reka Bentuk Kajian

### 3.8 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, bab 3 membincangkan pelbagai topik atau tajuk yang berkaitan dengan metodologi kajian serta kaedah untuk menganalisis data secara menyeluruh. Reka bentuk kajian, maklumat daripada pemerhatian dan temu bual adalah topik perbualan mengenai kaedah kajian ini.

Namun begitu, sumber sekunder termasuk kaedah kepustakaan dan sumber internet. Dengan mencari buku bertajuk Pelestarian Busana Tradisi Masyarakat Suku Kaum Kedayan: Kajian Di Kampung Sungai Lada, Labuan, pengkaji akan mendapat maklumat yang berguna untuk menyokong kajian ini. Bahkan, pengkaji juga telah mencari maklumat tambahan melalui internet. Selain itu, terdapat juga alat bantu yang digunakan dalam kajian, seperti telefon pintar, kamera, mikrofon dan buku catatan.

Secara keseluruhannya, metodologi boleh digunakan untuk mencari maklumat dengan lebih terperinci dan mendalam berdasarkan kajian, dan ia juga boleh digunakan untuk membuktikan kebenarannya. Oleh itu, metodologi kajian adalah penting supaya kajian dapat menyelesaikan isu dengan cara yang paling sesuai dan berkesan.



## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh hasil kajian lapangan. Data kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu temu bual, pemerhatian dan juga soal selidik. Pengkaji juga menggunakan dua teknik persampelan kajian iaitu persampelan bertujuan dan juga persampelan data bagi mendapatkan data daripada responden yang berkait rapat dengan kajian.

Kesemua data yang didapati telah dibuat analisis menggunakan kaedah tematik dan juga telah dibahagikan kepada lima kluster iaitu demografi responden, minat, isu semasa, kurang didedahkan dan juga percampuran budaya

## 4.2 SEJARAH PAKAIAN SUKU KAUM KEDAYAN



Rajah 5: Masyarakat Kedayan dahulu

Sumber Facebook:

<https://www.facebook.com/share/QGmu53YXRPmspLnR/?mibextid=I6gGtw>

Bangsa kaum Kadayan merupakan lanjutan daripada kisah pahlawan Dayan di Brunei pada awal sebelum era zaman ketamadunan kesultanan yang diterajui oleh Alak Batatar.

Bangsa kaum Kedayan merupakan sebahagian kisah pahlawan Dayan di Brunei pada awal sebelum era zaman ketamadunan kesultanan yang diterajui oleh Alak Batatar.

(Informan 1, Temu Bual 2023, Disember 12)

Menurut temu bual di atas oleh Informan 1, suku kaum Kedayan telah wujud semasa Pahlawan Dayan pada zaman tamadun kesultanan Alak Batatar di Brunei.

Selain itu, suku kaum Kedayan merupakan pengikut kepada Raja Alak Batatar dan beragama agama Hindu-Budha. Setelah kedatangan Islam, Raja Alak Batatar menukar nama kepada Sultan Muhammad Shah sebagai nama Islam baginda. Hal ini turut di sokong oleh Informan 1 semasa temu bual:

Dengan Islam nya alak betatar hatta Raja sultan muhamad 1. Maka, kaum kadayan ikut masuk islam, dan membuang segala budaya kesenian yang bertentangan dengan syariat tauhid termasuklah baju kubamban kadayan tersebut.

Dengan keislaman Alak Betatar atau Sultan Muhammad 1, salah satu sebab kaum Kedayan turut serta memeluk agama Islam, dan membuang ke semua budaya yang bertentangan dengan agama Islam termasuk berkaitan dengan baju Kumbamban Kedayan.

(Informan 1, Temu Bual, 2023, Disember 12)

Petikan oleh temu bual Informan 1 di atas, sebelum keislaman Alak Betatar, kebudayaan suku kaum Kedayan masih lagi diamalkan dan digunakan dalam kehidupan mereka pada ketika itu. Setelah, Alak Betatar memeluk agama Islam dan menukar nama kepada Sultan Muhammad 1. Pengamalan budaya suku kaum Kedayan tidak digunakan lagi disebabkan bertentangan dengan agama Islam.

Pernyataan ini turut disokong oleh Amde Sidek (2009), B.F Owen berpendapat suku kaum Kedayan menggelar diri mereka sebagai orang Melayu dan beragama Islam dalam pengulasan berkaitan Perhubungan Asal Borneo Utara pada tahun 1907.

#### 4.2.1 Busana Suku Kaum Kedayan

Suku kaum Kedayan merupakan salah satu suku kaum yang terdapat di Kepulauan Borneo iaitu di Sabah, W.P Labuan, Sarawak dan juga Negara Brunei. Pakaian suku kaum Kedayan hanya menggunakan warna hitam dan juga merah sebagai identiti mereka. Namun, terdapat juga suku Kaum Kedayan yang mengenakan warna kuning sebagai warna tambahan pada pakaian tradisi mereka seperti di Sabah, Sarawak dan juga Negara Brunei. Gelaran pada busana Kedayan juga berbeza-beza. Misalnya, di Sabah, baju suku Kedayan ini dipecahkan mengikut daerah. Sebagai contoh, Kedayan Spitang, Kedayan Beaufort dan juga Kedayan Papar. Manakala di Sarawak sebagai Kedayan Limbang, Kedayan Lawas dan Kedayan di Brunei sebagai Kedayan Brunei. Baju tradisi kaum Kedayan di Labuan dinamakan sebagai Baju Kumbamban.

Buktinya taburan bangsa kadayan di kepulauan Borneo yg merangkumi sabah Sarawak dan Labuan hingga ke hari ini. Keujudan kampung, daerah atau pulau jua berkaitan kadayan merupakan tinggalan sejarah.

Buktinya, kewujudan bangsa suku kaum Kedayan di kepulauan Borneo terutamanya di Sabah, Sarawak dan Labuan hingga ke hari ini. Kewujudan kampung, daerah, pulau dan sebagainya juga berkait rapat dengan peninggalan sejarah suku kaum Kedayan.

(Informan 1, Temu Bual, 2023, Disember 12)

Merujuk pendapat yang dinyatakan oleh Informan 1, kewujudan suku kaum Kedayan menyebabkan terjadinya peninggalan sejarah suku kaum Kedayan sehingga ke hari ini. Misalnya, di Borneo seperti di Sabah, Sarawak dan Labuan. Bahkan, perkara ini menyebabkan terjadinya penempatan baharu bagi suku kaum Kedayan seperti

kampung, daerah, pulau dan sebagainya.

Baju kumbamban merupakan baju asal yang digunakan oleh kaum Kedayan pada zaman dulu. Baju Kumbamban bagi lelaki dinamakan sebagai Baju Kumbamban Laki manakala bagi perempuan sebagai Baju Kumbamban Bini. Ia direka mengikut kesesuaian corak hidup kaum Kedayan pada ketika dulu. Makna baju Kumbamban daripada kumbamban atau lonceng tembaga pada perhiasan baju suku kaum Kedayan. Menurut Informan 1, baju Kumbamban menggunakan satu biji “kumbamban” pada pakaian mereka. Selain itu, Informan 4, menyatakan “kumbamban” ini juga melambangkan tahap status penggunanya. Perkara ini disokong oleh Amde Sidek (2009), orang Kedayan pada zaman dahulu merupakan petani, penoreh getah, pesawah padi, bercucuk tanam sayuran dan juga buah-buahan.

Pasal dulu-dulu nya kan. Semua suku kaum ni pun bukan tinggal di bandar, tinggal dalam hutan.....

Pada suatu ketika dahulu, semua kaum Kedayan bukan tinggal di kawasan bandar, tapi tinggal di dalam hutan.....

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Selain itu, kaum Kedayan juga bukan sahaja memungut hasil hutan, mereka juga melakukan kegiatan pertanian dan juga menangkap hasil laut. Perkara ini disokong lagi oleh Informan 6, baju kedayan tidak kisah lelaki atau perempuan di buat singkat untuk memudahkan pergerakan mereka. Selain itu, ia juga digunakan sewaktu aktiviti berkebun, menanam padi dan juga pergi ke laut. Hal ini disokong lagi dengan temu bual bersama Informan 6:

Dipakai waktu berpadi atau Bekabun atau kelaut.

Digunakan semasa aktiviti berpadi atau berkebun dan juga aktiviti kelautan.

(Informan 6, Temu Bual, 2023, Disember 26)



Rajah 6: Kumbamban

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Rajah 6 merupakan 'Kumbamban' (loceng tembaga) yang dijadikan sebagai perhiasan baju suku kaum Kedayan. Kumbamban diperbuat daripada tembaga dan jika kumbamban yang bukan diperbuat daripada tembaga ia tidak dianggap sebagai kumbamban bagi masyarakat suku kaum Kedayan. Menurut Informan 4 telah menyatakan dalam temu bual iaitu Kumbamban yang bersaiz besar merupakan perhiasan yang digunakan pada masa dulu, namun kumbamban yang bersaiz kecil dijadikan perhiasan pada baju busana kini.

Bila fungsi yang anu tu kan kumbamban tu kalau suku lain lain namanyalah kalau kami tanya Kadazan, Murut, Iban, Bidayuh. Banyak suku kaum Borneo yang kami tanya ni kan fungsinya tetap sama. Sama saja tu. Ia satu mengawal dari gangguan makluk halus, benda halus. Yang kedua, supaya ia tau pergerakan. Sebab itu kebanyakannya yang bini-bini banyak memakai kumbamban tu. Kalau ia bergerak tau ia kemana-kemana. Tapi yang paling utama dua tu lah tu. Salah satu fungsinya tu nya kita kira ajimat lah. Suku kaum lain ku tanya pun cematu jua fungsinya tu.

Nama loceng tembaga berbeza mengikut suku kaum lain. Apabila kami bertanyakan kepada suku kaum lain seperti Kadazan, Murut, Iban, Bidayuh fungsinya tetap sama. Salah satu daripadanya untuk mengawal gangguan makhluk halus. Yang Kedua, mengesan pergerakan. Merupakan sebab kaum wanita banyak menggunakan kumbamban ini semasa pergi ke mana-mana tempat. Tapi perkara yang paling utama adalah kedua-dua sebab itu. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai azimat. Kalau di tanyakan kepada kaum lain fungsinya juga tetap sama.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Menurut temu bual diatas oleh Informan 2, terdapat perbezaan pada penamaan kumbamban mengikut suku kaum lain. Namun, kegunaan lonceng tembaga terdapat persamaan dengan suku kaum Kadazan, Murut, Iban dan juga Bidayuh. Misalnya, dijadikan sebagai alat pengesan dan juga azimat.

Hal ini turut disokong oleh Informan 1:

Kumbamban mempunyai dua tujuan. Antaranya, sebagai sistem mengesan keberadaan anak mereka. Misal tiada bunyi kedengaran ia bermaksud perkara buruk telah terjadi pada anak mereka. Selain itu, kepercayaan orang Kedayan lama mempercayai kumbamban juga dapat mengawal jin. Mereka beranggapan kumbamban ini ditakuti oleh hantu jembalang. Hal ini kerana pada ketika dulu kaum Kedayan kuat pengaruh kepercayaan animisme.

Terdapat dua tujuan dalam penggunaan kumbamban, Antaranya alat pengesan keberadaan anak mereka. Jika tidak mendengar bunyi dipercayai perkara buruk telah terjadi pada anak mereka. Selain itu, orang Kedayan juga percaya akan Kumbamban dapat mengawal jin. Hal ini dikatakan kumbamban dapat menakutkan makhluk halus dan bersifat sakral.

(Informan 1, Temu Bual, 2023, Disember 6)

Melalui temu bual di atas oleh Informan 1, terdapat dua tujuan suku kaum Kedayan menggunakan kumbamban dalam pemakaian mereka. Antaranya, kumbamban ini berfungsi sebagai alat pengesan keberadaan anak mereka. Selain itu, kumbamban ini berfungsi sebagai tangkal yang dapat melindungi suku kaum Kedayan dari gangguan makhluk halus.



Untuk bab kumbamban ani. Sudah dihalusi timbang tuju nya dan Alhamdulillah alasan satu di gunapakai. Namun nama kumbamban tetap di pakai. Berbeza dengan kaum kadayan di Sabah, Sarawak hatta d Brunei. Hanya d panggil baju kadayan. Namun d labuan nama kumbamban terus diangkat dan inda di buang.

Pada bahagian kumbamban ni. Ia sudah kaji selidik terlebih dahulu dan Alhamdulillah, menjadi alasan nama 'kumbamban' ni digunakan. Terdapat perbezaan dengan kaum Kedayan di Sabah, Sarawak atau di Brunei dan di gelar sebagai baju Kedayan. Namun, penggunaan nama baju Kumbamban di Labuan langsung diangkat dan tidak dibuang.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Rentetan itu, melalui temu bual di atas bersama Informan 2, sebelum kewujudan penamaan baju Kumbamban digunakan oleh suku kaum Kedayan di Labuan, busana tersebut dikenali sebagai baju Kedayan. Penelitian telah dibuat oleh Persatuan Wais Kedayan Labuan (WAKAL) dan dirujuk dengan ahli budaya terlebih dahulu untuk mendapat persetujuan dalam kalangan masyarakat Kedayan di Labuan bagi menamakan baju Kedayan sebagai Kumbamban. Perkara ini telah mengukuhkan lagi identiti suku kaum Kedayan di Labuan malah juga dapat membezakan suku kaum Kedayan di Sabah, Sarawak dan juga di Brunei dari segi nama busana.

MALAYSIA

KELANTAN

Kalau macam kita ni kan, namanya baju kumbamban. Macam atulah. Jadi kami ambil nama tu daripada tapi memang nama tu memang barulah. Kalau dulu memang nada nama. Sampai baju kedayan baju kedayan jua kan. Sekarang ani kami bagi nama supaya orang lebih mengenali baju tu. Apa nama, Apa nama, Apa nama, Apa nama ... sampai dapat, kami dapat pastu kami dapat persetujuan pastu kami namakan baju tu sebagai baju kumbamban. Pastu urang tanya kenapa baju ani dinamakan baju kumbamban?. Kerana ia banyak kumbamban tu lonceng diakan. Jadi orang lain macam Sabah, Sarawak durang terpaksa cari nama sendirilah.

Pnggunaan nama baju "kumbamban" masih baru lagi di Labuan. Hal ini kerana, pada zaman dahulu, baju Kedayan tidak mempunyai nama yang khusus. Baju ini hanya dikenali Sebagai 'Baju Kedayan' sahaja. Namun pada tahun 2013, penggunaan nama 'Baju Kumbamban' telah mula digunakan setelah mndapat prsetujuan daripada msyarakat Kedayan di Labuan.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Tambahan pula,

Kalau di seluruh Borneo ni aa warnanya memang tetap sama cuma apani rekabentuknya tu apa ni dipanggil lupa sudah. Desaign tu kan agak berlainan sedikit dengan kita yang di Labuan lah. Kita di Labuan namakan baju ni baju kumbamban aa kalau di Labuan. Kalau di tempat lain aa ada yang menyatakan aa ini macam contohnyakan macam baju Kedayan Spitang, baju Kedayan Miri, dan baju Kedayan Brunei. Dan aksesorisnya ni agak berlainan sedikitlah. Kalau di sebelah Sarawak ia ada sedikit warna kuning kalau di Sabah dan Labuan memang hitam dan merah saja.

Misal di Borneo, penggunaan warna baju mempunyai persamaan dan terdapat sedikit perbezaan pada rekabentuk baju Kedayan. Kalau di Labuan, baju suku kaum Kedayan dinamakan sebagai baju Kumbamban dan kalau di tempat lain sebagai baju Kedayan Spitang, baju Kedayan Miri, dan juga baju Kedayan Brunei. Selain itu, terdapat juga perbezaan pada perhiasan diri. Misalnya, di Sarawak terdapat sedikit penggunaan warna kuning dan di Sabah dan Labuan sememangnya menggunakan warna hitam dan merah sahaja.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Menurut maklumat yang dikemukakan oleh Informan 2, identiti suku kaum Kedayan masih dikekalkan dari segi penggunaan warna iaitu merah dan juga hitam. Namun, terdapat perbezaan pada reka bentuk baju Kedayan di Labuan, Sabah, Sarawak dan juga di Brunei. Selain itu, terdapat juga penggunaan warna kuning pada jalur pada baju sebagai warna tambahan seperti di Sarawak namun di Labuan dan di Sabah hanya menggunakan warna merah dan juga hitam. Di Sabah, perbezaan hanya terdapat pada aksesori iaitu penggunaan warna kuning pada tanjak manakala Baju suku kaum Kedayan di Labuan hanya merah dan hitam. Oleh itu, jelaslah dilihat terdapat perbezaan pada suku kaum Kedayan di Sabah iaitu tanjak menggunakan warna kuning, di Sarawak terdapat jalur berwarna kuning pada baju dan di Labuan hanya menggunakan warna merah dan hitam yang menunjukkan identiti mereka.

Selain itu, rekaan pada seluar memang pendek disebabkan kain dibuat sendiri dan susah untuk dibeli pada zaman dahulu. Hal ini kerana untuk memudahkan pergerakan untuk aktiviti perhutanan, aktiviti kelautan dan sebagainya. Perkara ini disokong oleh Informan 3:

Fabrik berteksterkan kain kasar hitam yang bersulam bertakhtahkan manasan atau manik, kumbamban iaitu lonceng tembaga dan syiling tembaga lama. Pelbagai bentuk seperti Baju opah, kebaya, kurung, jubah.

Kain fabrik berwarna hitam yang bersifat kasar dan bersulam dengan manik, kumbamban dan juga syiling yang diperbuat daripada tembaga lama. Pelbagai bentuk baju yang direka seperti baju opah, kebaya, baju kurung dan juga jubah.

(Informan 3, Temu Bual, 2023, Disember 11)

Menurut temu bual di atas oleh Informan 3, baju suku kaum Kedayan menggunakan kain kasar yang berwarna hitam. Ia juga dijahit sulam dengan manik, kumbamban dan juga syiling yang diperbuat dari tembaga lama. Terdapat pelbagai rekaan pada baju suku kaum Kedayan seperti baju opah, kebaya, baju kurung dan juga jubah. Hal ini turut disokong oleh Amdee Sidek (2009) dalam penulisannya bahawa wanita Kedayan gemar menggunakan butang yang diperbuat dari tembaga iaitu kumbamban pada hujung lengan baju dan juga kerongsang.

Tambahan pula, Menurut temu bual di atas oleh Informan 2 iaitu penggunaan nama Baju Kumbamban di Labuan masih baru dan telah diguna pakai pada tahun 2013. Hal ini telah mendapat persetujuan untuk memberikan nama baju Kedayan di Labuan sebagai Baju Kumbamban. Perkara ini jelas telah menunjukkan suku kaum Kedayan di Labuan mempunyai identiti sendiri berbanding dengan suku kaum Kedayan di Sabah, Sarawak dan juga Brunei.



Rajah 7: Reka bentuk Baju Kedayan

Sumber: R4

Rajah 7 di atas merupakan reka bentuk busana asal kaum Kedayan. Busana Kedayan ini tidak mengenakan aksesori yang banyak. Menurut Informan 1, kalau baju kaum Kedayan yang asli, hitam sebanyak 95%, merah sebanyak 3% manakala manik sebanyak 1% dan juga 1 biji kumbamban atau lonceng. Hal ini kerana untuk mendapatkan kumbamban adalah terhad. Hal ini disokong oleh Amde Sidek (2009) dalam penulisannya yang menyatakan bahawa barang perhiasan sukar untuk didapati pada zaman tersebut. Perkara ini menyebabkan penggunaan perhiasan pada baju suku kaum Kedayan amat terhad. Selain itu, pembuatan dan pengeluaran kain berwarna hitam lebih banyak berbanding dengan warna lain.

Kalau dulu memang busana ni memang kosong tiada aksesorinyakan tapi sekarang ni untuk lebih mengupgradekan lagi jadi kami cuba aaa upgradekan dengan pelbagai aksesorilah seperti juga suku-suku kaum lain kan atulah kami buat rujukan memang daripada dulu-dulu ni semuanya kosong nada anu nada aksesorisnya tapi kita cuba untuk aa membuat perubahan sedikitlah supaya ia lebih menarik dan juga dan lebih menyerlah sebanding dengan suku kaum yang lain.

Pada zaman dahulu, baju suku kaum Kedayan tidak mempunyai sebarang perhiasan dan ia telah diubah suai dengan menambah pelbagai perhiasan pada baju suku kaum Kedayan seperti perhiasan yang digunakan oleh suku kaum lain. Kami juga membuat rujukan dan mendapati baju suku kaum Kedayan tidak mempunyai sebarang perhiasan. Oleh sebab itu, kami membuat perubahan supaya lebih menarik dan setanding dengan pakaian suku kaum lain.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Seterusnya, menurut temu bual diatas oleh Informan 2, baju suku kaum Kedayan tidak mempunyai sebarang perhiasan. Kini, baju suku kaum Kedayan telah dibuat penambahan dengan menambah perhiasan supaya setara dengan suku kaum lain.

Bila ku tanyapun sebalah semenanjung pun, kalau yang dulu-dulu yang kaum 30-an, 40-an pun, kami tanya pun memangnya warna atau warna hitam. Pasal kehidupanya pun lebih kurang jua bukan tinggal di bandar macam sekarang ni. Bukanya hidup macam jaman moden.

Pada zaman dahulu sekitar tahun 30-an dan 40-an, Kebanyakan pakaian tradisi pada asalnya berwarna hitam. Hal ini disebabkan corak hidup suku kaum pada ketika itu yang tinggal di dalam hutan dan bukan di kawasan bandar dan moden seperti sekarang.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Secara umumnya, busana suku kaum merupakan sebuah identiti bagi sesebuah etnik. Hal ini dikatakan bagi membezakan antara satu sama yang lain dari segi sosial seperti bahasa, budaya, corak hidup dan juga kepercayaan. Melalui kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada busana tradisi suku Kaum Kedayan. Menurut Bentong Antaran

(1995), melalui kajian yang telah dijalankan oleh beliau mendapati bahawa suku kaum Kedayan terutamanya busana tradisional kaum wanita Kedayan adalah baju kurung yang diperbuat daripada kain kapas yang berwarna hitam. Baju tersebut telah dinamakan sebagai baju ‘bekubamban butang enak’ dan dilengkapi dengan perhiasan seperti kerongsang dan juga loceng. Manakala, bagi kaum lelaki Kedayan pula, mengenakan baju melayu tanpa kolar, seluar ketat yang separas dengan betis kaki serta dilengkapi dengan tanjak atau tengkolok pada atas kepala mereka. Namun kini, penggunaan baju tradisi ini kurang mendapat sambutan dalam komuniti.

#### 4.2.2 Baju Kumbamban

Terdapat pecahan pada baju ‘kumbamban’ suku kaum Kedayan di Labuan iaitu Kumbamban laki dan juga Kumbamban bini.

##### i. Kumbamban Laki



Rajah 8: Baju Kumbamban Laki

Sumber: *Youtube*

<https://youtu.be/35hLPIJwJc?si=pbnJgsATT7DNXLVP>

Rajah 8, merupakan baju Kumbamban Laki bagi suku kaum Kedayan. Baju Kumbamban Laki ini dilengkapi dengan penutup kepala yang dikenali sebagai kain sebaiyan. Kain sebaiyan ini merupakan kain serbaguna dan mempunyai fungsi. Kain sebaiyan dijadikan untuk solat dan juga sebagai mengangkat barang. Biasanya, kain sebaiyan ini diletakkan di atas kepala dan kebersihan kain sebaiyan sentiasa dijaga. Baju dan seluar Kumbamban Laki direka setara dengan ketinggian. Hal ini disokong lagi melalui temu bual bersama Informan 4 yang menyatakan kain sebaiyan juga diikat pada pinggang selain dijadikan sebagai penutup kepala.



Rajah 9: Pemakaian Siaa'ong

Sumber: R4

Rajah 9 di atas merupakan sejenis topi yang diperbuat dari buluh atau mengkuang. Ia juga dijadikan sebagai pelindung kepala dari sinar matahari. Topi buluh ini juga digunakan sesetengah budaya di Asia Tenggara. Suku kaum Kedayan menamakan topi buluh sebagai Siaa'ong. Masyarakat Kedayan menggunakan Siaa'ong semasa aktiviti menanam padi, berkebun atau ke laut. Sebelum menggunakan Siaa'ong, babat kepala atau penutup kepala dari kain sebaiyan untuk menutup kepala digunakan terlebih dahulu. Hal ini kerana untuk memberikan keseimbangan dan mengelak Siaa'ong daripada jatuh.



Ni macam tudung dulang atau tudung saji uja malayu. Kalau yang di pakai di kapala tu namanya siaong. Tapi rupanya lampai sedikit dari ani. Dan biasanya kosong inda ada bawarna warni miatu. Awu hampie serupa tu tudung dulang sama siaa'ong tapi fungsi nda jua sama tu. Bentuk pun lain kalau di paiksaie banaa-bana.

Mengikut kata orang Melayu, ia macam tudung dulang atau tudung saji. Kalau yang di pakai diatas kepala namanya Siaan'ong. Tapi, rupanya tinggi sedikit daripada Siaan'ong. Biasanya, kosong dan tidak mempunyai banyak warna. Ia seakan sama dengan tudung saji tetapi fungsi dan bentuk juga tidak sama jika diperhatikan.

(Informan 4, Temu Bual, 2023, Disember 25)

Menurut temu bual di atas oleh Informan 4, terdapat juga tanggapan Siaan'ong disamakan dengan peralatan dapur iaitu tudung saji. Hal ini disebabkan oleh reka bentuk yang seakan sama. Jika diperhatikan dengan lebih terperinci terdapat perbezaan antara satu sama lain. Misalnya, dari segi warna fungsi dan juga perhiasan. Siaan'ong tidak mempunyai banyak warna dan juga perhiasan. Siaan'ong digunakan sebagai penutup kepala ketika menjalankan aktiviti luar seperti aktiviti berkebun, menanam padi dan juga pergi ke laut.

**i. Kumbamban Bini**



Rajah 10: Pemakaian Saukup

Sumber: *Youtube*

<https://youtu.be/DZ92DGGOqZI>

Merujuk rajah 10 di atas merupakan pemakaian busana Kedayan wanita yang dinamakan sebagai Kumbamban Bini. Penutup kepala dinamakan sebagai saukup kepala dari jenis kain yang dilipat dengan bercorakkan merah dan hitam. Pemakaian mereka juga menutup aurat dan tidak memperlihatkan bentuk tubuh mereka.

Bini-bini kan ia inda macam aaaa mendedahkan auratlaah. Sebelum kedatangan Islam lagi pun sudah macam atulah sudah pakaianya. Jadi apa kalau macam sekarang ni kita sudah kebanyakannya Islamkan, suku kaum Kedayan ni boleh dikatakan di Borneo ni 100% Islam lah.

Wanita juga tidak mendedahkan aurat mereka. Sebelum kedatangan Islam, pakaian suku kaum Kedayan pada asalnya memang begitu. Jadi, pada masa sekarang ni ke semua suku kaum Kedayan boleh dikatakan beragama Islam termasuk juga kaum kedayan yang di Borneo.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Berdasarkan temu bual oleh Informan 2, pemakaian suku kaum Kedayan tidak mendedahkan bentuk badan dan telah diamalkan sebelum kedatangan agama Islam lagi dan majoriti, suku kaum Kedayan beragama Islam.

Selain itu, kaum wanita juga mempunyai kain sebaiyan (penutup kepala) yang dijadikan sebagai selendang pada bahu mereka. Kain ini juga mempunyai fungsi yang sama seperti Kumbamban Laki. Misalnya, dijadikan kain serbaguna untuk mengangkat barang, solat dan sebagainya. Menurut Informan 4, kain sebaiyan juga akan dijadikan sebagai saukop atau penutup kepala apabila keluar dari rumah jika ada urusan lain.

Kain bagi wanita juga dinamakan sebagai pancang buluh. Kain ini juga direka sama seperti seluar lelaki iaitu setara dengan ketinggian supaya tidak terseret ketika berjalan dan tidak kotor. Hal ini disokong lagi dengan temu bual bersama Informan 2:

Pasal atu pakaianya ia tinggi sedikit daripada antara tuhut dengan batis tu lah. Tapi limpas tuhut ke bawah. Ianda labih ke atas..

Pada masa itu pakaian mereka pada asalnya memang tinggi sediki dari lutut dengan kaki. Tapi, limpas paras lutut ke bawah. Ia juga tidak melebihi ke atas..

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Berdasarkan temu bual bersama dengan Informan 2 di atas, ketinggian seluar atau kain mestilah menutupi paras lutut ke bawah hingga paras buku lali. Hal ini bagi menutup aurat supaya tidak terdedah dan terlalu panjang hingga menyukarkan pergerakan.

### 4.2.3 Perhiasan Baju Kumbamban

Terdapat juga beberapa perhiasan yang digunakan pada busana kaum Kedayan. Hal ini bagi memperindah penampilan baju Kumbamban masyarakat kaum Kedayan. Terdapat beberapa perhiasan yang digunakan dalam pemakaian baju Kumbamban suku kaum Kedayan.

#### a) **Kumbamban**

Kumbamban merupakan lonceng yang diperbuat daripada tembaga. Ia juga menghasilkan bunyi kerincing. Kumbamban ini biasanya dipasang bersama dengan manik atau dikenali sebagai ‘manas-manasan’. Dari segi pemakaian, lelaki sekurang-kurangnya mempunyai tujuh biji kumbamban pada baju mereka, manakala perempuan tiada had dan dalam bilangan yang ganjil.

Ya memang aksesori wajib untuk baju kadayan. Kubamban tu *optional* ..walau pun ada sebiji pun.

Sebenarnya kumbamban merupakan perhiasan wajib pada baju suku kaum Kedayan. Kumbamban itu juga pilihan pada individu.. walaupun sebiji kumbamban digunakan.

(Informan 6, Temu Bual, 2023, Disember 27)

Menurut temu bual di atas, Informan 6 ada menyatakan kumbamban merupakan perhiasan wajib bagi baju suku kaum Kedayan di Labuan. Hal ini kerana istilah baju kumbamban sempena penggunaan kumbamban pada baju suku kaum Kedayan. Menurutnya lagi, penggunaan kumbamban pilihan individu dan sekurang-kurangnya

sebagai kumbamban digunakan. Bukanlah Baju Kumbamban jika kumbamban tidak digunakan pada baju kaum Kedayan di Labuan.



Rajah 11: Kumbamban seiring dengan manas-manasan

Sumber: *Youtube*

<https://youtu.be/ikTqQJQ4jXs?si=mrIECDn9XfkQpKQF>



Rajah 12: Perhiasan wanita Kedayan

Sumber: R3

Rajah 11 dan rajah 12 di atas merupakan manik yang digunakan seiring dengan Kumbamban. Menurut Informan 2, ia digunakan bagi mencantikkan lagi pemakaian baju Kumbamban suku kaum Kedayan.

Pasal dulu-dulu nya kan. Semua suku kaum ni pun bukan tinggal di bandar, tinggal dalam hutan. Tapi yang memakai kalung ni pun kebanyakannya banyak di dalam hutan. Kenapa ya dan mengapa kebanyakannya suku kaum memakai pakaian warna hitam. Kerana benda-benda yang berbisa ularkah semua ia sagankan warna hitam. Aa atu fungsinya kenapa warna itu hitam.

Pada ketika dahulu, suku kaum Kedayan bukan tinggal di kawasan bandar tetapi tinggal di dalam hutan. Tetapi yang menggunakan rantai banyak dijumpai di dalam hutan. Penyebab suku kaum Kedayan menggunakan pakaian berwarna hitam disebabkan mereka percaya yang warna hitam berfungsi dapat menakutkan mereka.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Akhir sekali, melalui temu bual oleh Informan 2 seperti di atas, penempatan suku kaum Kedayan tinggal di dalam hutan dan memakai perhiasan pada leher. Salah satu sebab suku kaum Kedayan menggunakan pakaian berwarna hitam kerana mereka percaya dapat melindungi diri mereka dari serangan haiwan berbisa.



Rajah 13: Contoh bilangan angka Kumbamban

Sumber: R3

Merujuk rajah 13, merupakan bilangan kumbamban yang digunakan pada perhiasan wanita kaum Kedayan. Misalnya, Saukup Kepala sebanyak 59 biji, Kungkung atau rantai leher pula sebanyak 11 biji, manakala Bakung sebanyak 105 biji dan selendang pula sebanyak 28 biji. Perhiasan yang digunakan pada pemakaian kaum wanita Kedayan tidak sama dengan pemakaian wanita kaum Kedayan sekarang.

**b) Manas-manasan**

Manas-manasan adalah manik kecil yang digunakan untuk menghiasi dan perhiasan pada pakaian baju Kumbamban. Tujuan penggunaan ini adalah untuk meningkatkan lagi penampilan suku kaum Kedayan. Biasanya, manas-manasan atau manik yang digunakan berwarna merah dan juga hitam. Bagi lelaki hanya memakai pada bahagian tebuk baju. Namun, untuk wanita kedudukan ditetapkan mengikut kreativiti dan keinginan mereka. Ia biasa diletakkan pada bahagian pergelangan tangan dan juga hujung baju.

**c) Maang Paniwan**

Kedayan lelaki menggunakan sebilah parang sebagai perhiasan. Ia juga merupakan salah satu bentuk amalan suku kaum Kedayan lelaki. Maang Paniwa biasanya dipegang atau diikat pada bahagian tepi pinggan oleh kaum lelaki Kedayan. Menurut Informan 4, parang ini digunakan semasa hendak keluar dari rumah jika mempunyai sebarang urusan atau tujuan lain.



Rajah 14: Sebilah parang digenggam

Sumber: R4

Merujuk rajah 14, penggunaan sebilah parang menampakkan kelakian dan kegagahan lelaki suku kaum Kedayan seperti seorang pahlawan. Menurut Informan 4, ciri pakaian lelaki suku kaum Kedayan memperlihatkannya seperti pendekar atau pahlawan. Bahkan, suku kaum Kedayan juga menjadikan parang sebagai senjata pada suatu ketika dahulu.

Malah maang atau pamarang itu lagi basaa kagunaan nya.. sabab kehidupan dulu-dulu bkait rapat dangan imba, kabun, pulau tunjang, tambing dan lain-lain. maang ani macam-macam jua jenis nya.. maang paniwaa beupa panjang. Ia digunakan untuk bepadi, menabas. Mun maang candung ia sekaki upanya. Ani labih kepada karaja-keraja menyisip, melapah, mapaa liang kubu dan sabagainya. Maang ani jua sinonim rapat sama umpama baju dangan sanjata serba guna dulu bagi urang Kadayan....

Pemarang dikenali sebagai maang oleh suku kaum Kedayan. Pemarang juga berkait rapat dengan kehidupan suku kaum Kedayan pada zaman dahulu. Hal ini kerana digunakan untuk digunakan dalam hutan, kebun, tanjung pulau dan sebagainya. Pemarang ini juga mempunyai jenis. Misalnya, Parang Paniwa berbentuk panjang



dan ia digunakan untuk aktiviti berpadi dan juga menebas. Selain itu, Parang Candung berbentuk sekaki. Ia digunakan untuk kerja-kerja menyisip, melapah, memapah liang kubur dan sebagainya. Jelaslah bahawa, penggunaan parang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat suku kaum Kedayan dan dijadikan senjata pada ketika itu.

(Informan 1, Temu Bual, 2024, Januari 25)

Hal ini disokong lagi,

Sebab itu salah satu alat pelengkap pakaian laki-laki. Kalau ikut kan kadayan yg bukan berdarah kerabat atau bangsawan iya nda memakai keris tapi parang. Dalam kehidupan biasa pun parang tu ada satu kelengkapan para lelaki yg mesti ada ditubuh setiap kali melangkah keluar dari rumah utk ke mana-mana.

Parang merupakan alat pelengkap bagi lelaki Kedayan. Kaum Kedayan yang bukan berdarah raja atau bangsawan tidak menggunakan keris. Perkara ini disebabkan parang sudah menjadi rutin kegunaan dalam kehidupan seharian kaum lelaki Kedayan dan perlu di bawa setiap kali keluar dari rumah pada zaman dahulu.

(Informan 4, Temu Bual, 2024, Januari 27)

#### **d) Hanjalai Pinglas**

Hanjalai Pinglas atau buah anjalai juga dijadikan sebagai perhiasan. Misalnya, ia dijadikan sebagai rantai leher, gelang dan juga dijadikan sebagai manik. Menurut Informan 7, buah hanjalai ini tumbuh pada sekitar tepi sungai. Selain itu, ia juga dijadikan sebagai gelang, rantai dan sebagainya untuk dijadikan sebagai aksesori. Selain itu, Menurut Informan 1, buah anjalai diguna pada pakaian mengikut

kepada cita rasa individu itu sendiri. Misalnya, dijadikan sebagai manik, gelang dan juga rantai leher.



Rajah 15: Buah Hanjalai

Sumber: R7



Rajah 16: Perhiasan diperbuat dari buah Hanjalai

Sumber: R3

Berdasarkan 15 dan 16, merupakan buah anjalai yang telah dijadikan sebagai gelang dan juga rantai leher. Biasanya, ia digunakan oleh suku kaum Kedayan jika memakai baju kumbamban.

Kungkung Hanjalai atau rantai leher persaudaraan diperbuat dari bahan tumbuhan hanjalai pinglas di sulami manasan atau manik yang berbentuk bintang.

Kungkung Hanjalai atau rantai leher persaudaraan diperbuat dari tumbuhan iaitu buah anjalai pinglas. Ia juga di sulam dengan manasan atau manik yang berbentuk bintang.

(Informan 3, Temu Bual, 2023, Disember 11)

Berdasarkan petikan temu bual di atas oleh Informan 3, Hanjalai Pinglas diperbuat oleh buah anjalai (Pokok Tasbih). Buah Hanjalai ini juga dijadikan sebagai manik berbentuk bintang.

#### **4.2.4 Inovasi Busana Kedayan**

Terdapat inovasi yang dilakukan pada busana suku kaum Kedayan dan identiti tetap dikekalkan. Perkara ini dilakukan supaya busana kaum Kedayan juga dapat berkembang maju selaras dengan masa kini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

i. **Kepelbagaian Baju Kumbamban**



Rajah 17: Busana kaum Kedayan kini

Sumber: R3

Merujuk rajah 17, merupakan perubahan yang berlaku pada busana suku kaum Kedayan. Perkara ini disokong Informan 2:

Untuk kita apa ni untuk memperbaharui ni macam biasa sajalah kita kena ikut peredaran masa dan peredaran zaman supaya aaaaa banyak masyarakat kita ni lebih aaa yakin ataupun lebih suka untuk memakai.. anukan zaman sekarang ni kan dipengaruhi oleh budaya-budaya asing untuk mengelakkan daripada pengaruh budaya-budaya luar tu kita terapkan nilai-nilai kepada aaaa generasi-generasi terbaru ni lah.

[Idea pembaharuan busana suku kaum Kedayan tercetus dengan mengikuti perkembangan semasa. Hal ini bagi menarik masyarakat untuk mengenali lebih mendalam akan busana kaum Kedayan. Malah, ia juga untuk menarik minat masyarakat untuk mendekati diri dengan kebudayaan tempatan terutama kepada golongan muda.]

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Disember 3)

Berdasarkan petikan temu bual di atas oleh Informan 2, busana suku kaum Kedayan telah berlaku perubahan mengikut dengan keadaan semasa.



Rajah 18: Baju Kumbamban kot

Sumber: R2

Berdasarkan rajah 18, merupakan baju “kumbamban” yang dijadikan sebagai baju kot. Baju kumbamban berbentuk kot digunakan untuk majlis rasmi. Perkara ini disokong oleh Informan 2:

Kepelbagaian Baju kubamban laki dan baju kubamban bini. Berdasarkan warna hitam merah..... berdasarkan merah dan hitam. Untuk bagi nampak warna baju kadayan..... ada baju kot dan lain-lain.

Terdapat kepelbagaian pada baju kumbamban. Tidak kira bagi baju lelaki Kedayan dan juga perempuan Kedayan. Perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan warna hitam dan merah pada pakaian mereka. Hal ini jelas dengan penggunaan hitam dan merah melambangkan pakaian dari suku kaum Kedayan. Baju Kedayan juga ada direka kepada baju kot dan lain-lain.

(Informan 1, Temu Bual, 2024, Januari 25)

Berdasarkan temu bual oleh Informan 1 di atas, baju suku kaum Kedayan Labuan telah mempelbagaikan reka bentuk pada baju Kumbamban. Namun, penggunaan warna merah dan juga hitam dikekalkan. Hal ini bagi mengekalkan identiti suku kaum Kedayan walaupun rekaan baju berlainan.



Rajah 19: Baju Kumbamban Kreatif

Sumber: R4

Rajah 19 di atas merupakan baju Kumbamban yang telah dikreatifkan mengikut masa kini. Perhiasan kaum Melayu juga turut dipakai pada pakaian busana kaum Kedayan setelah di ubah penampilan seperti pemakaian samping, dokoh dan sebagainya. Perkara ini disokong lagi dengan temu bual oleh Informan 4:

Mana-mana busana tradisi etnik di dunia ni sudah di kreatifkan. Iya bukan berlaku pd etnik kadayan saja. Persoalannya kenapa perlu di kreatifkan. Jawapannya... sbb dunia, tamadun manusia, zaman dan cara kehidupan terus berkembang dan mengalami perubahan. Tamasuklah cara, jenis, gaya pakaian. ....Usaha untuk menghasilkan sesuatu yang berlandaskan apa yg pernah wujud di

zaman dulu, dan kemudian dibuat penambahbaikan agar iyanya lebih berkualiti, menarik dan relevan dipakai dengan zaman maka itu lah yg dinamakan inovasi dan kreativiti.

Kepelbagaian busana etnik di dunia juga telah di kreatifkan dan bukan sahaja pada etnik kaum Kedayan saja. Perubahan pada busana kaum Kedayan dilakukan supaya seiring dengan perkembangan semasa. Hal ini termasuk cara pemakaian, jenis pakaian, dan juga gaya pakaian. Usaha ini dilakukan untuk memartabatkan semula dalam bentuk yang baharu tapi identiti dikekalkan. Bahkan, busana kaum Kedayan juga akan lebih berkualiti, menarik dan juga relevan digunakan pada masa kini.

(Informan 4, Temu Bual 2024, Januari 27)

Merujuk temu bual di atas oleh Informan 4, kepelbagaian pada busana suku kaum Kedayan dilakukan bagi seiring dengan masa kini. Hal ini juga termasuk cara pakaian, jenis pakaian, dan juga gaya pemakaian. Inovasi ini juga dilakukan supaya dapat menarik minat suku kaum Kedayan untuk memakai busana kaum Kedayan. Hal ini disokong oleh Informan 1 yang telah berpendapat bagi menarik minat generasi baharu kaum Kedayan untuk memakai baju kaum Kedayan walaupun dipengaruhi dengan budaya-budaya lain. Menurutnya lagi, supaya busana kaum Kedayan dikenali oleh oleh setiap lapisan masyarakat tidak kira tempatan dan juga luar. Perkara ini disokong lagi dengan Informan 2, berharap melalui inovasi yang dilakukan dapat menjadi tarikan kepada pelancongan melalui busana kaum Kedayan.

..mengekalkan identiti yang lama cuma kita ada inovasilah untuk ia lebih moden sedikitlah mengikut peredaran zaman. Memang identiti kita memang itu saja hitam dan merah tu mesti ada.

Walaupun baju kaum Kedayan telah dibuat inovasi, tapi identiti dikekalkan dari segi penggunaan warna hitam dan merah. Perkara ini bertujuan untuk menjadikan baju Kedayan lebih moden dan sesuai digunakan pada masa kini.

(Informan 2, Temu Bual, Oktober 4)

Terdapat juga perhiasan kaum Kedayan yang sama dengan kaum Melayu tetapi cara pemakaian dan maksud berlainan bagi mereka. Antaranya:

**a) Sebai**



Rajah 20: Penggunaan Sebai

Sumber: R3

Rajah 20 menunjukkan salah satu perhiasan diri dari masyarakat Melayu iaitu Sebai. Sebai juga digunakan oleh suku kaum wanita Kedayan. Biasanya, Sebai mestilah berwarna merah dan juga hitam.



**b) Dastar**

Rajah 21: Penggunaan Tanjak  
Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Rajah 21 merupakan pemakaian Dastar (tanjak) oleh R2. Penggunaan tanjak juga tidak asing lagi dalam kalangan suku kaum Kedayan bagi golongan lelaki. Tanjak biasa digunakan pada majlis-majlis rasmi dan juga perayaan.

Tanjak tabalik yang lipat hujungnya turun ka bawah kan...

Tanjak berbentuk terbalik dan dilipat pada hujungnya turun ke bawah.

(Informan 4, Temu Bual, 2023, Disember 25)

Menurut temu bual di atas oleh Informan 4, cara pemakaian tanjak suku kaum Kedayan diturunkan ke bawah pada hujungnya. Hal ini terdapat perbezaan dengan lelaki Melayu.

c) **Bakong dan Tali Pinggang**



Rajah 22: Bakong dan Tali Pinggang

Sumber: R3

Rajah 22 di atas merupakan penggunaan bakong (bengkung) seiring dengan tali pinggang besi pada pinggang. Bakong dihiasi dengan manas-manasan (manik) seiring dengan kumbamban dan ia digunakan oleh kaum wanita Kedayan.

ii. **Seni Kreatif Busana Kaum Kedayan**



Rajah 23: Baju Kedayan Kreatif sempena *Borneo Art Festival 2023*

Sumber: R8

Rajah 23 di atas menunjukkan baju kaum Kedayan yang telah dikreatifkan dan digunakan dalam persembahan pemantasan. Baju kaum Kedayan yang telah

dikreatifkan ini mengekalkan penggunaan warna merah dan juga hitam. Baju kaum Kedayan ini telah dibuat oleh *Dansa Art Production*.

Tapi itu kreatif punya sudah tu. Kaka sama kawan kaka yang design baju.

Tapi , baju tu yang telah dikreatifkan sudah. Baju tu kaka dengan kawan kaka yang reka.

(Informan 8, Temu Bual, 2023, Disember 27)

Berdasarkan petikan temu bual di atas oleh Informan 8, busana kaum Kedayan telah dijadikan busana kreatif dalam membuat persembahan sempena *Borneo Art Festival* pada 10 Oktober 2023. Walaupun rekaan diubah, namun warna hitam dan merah dikekalkan dan gaya pemakaian seiring dengan masa kini.

Tambahan pula, Informan 8 berpendapat:

Kaka ambil dari baju Kedayan yang asli dari segi aksesori kepala semua. Lepas tu kami bebincang bagi kurangkan dikit. Sebab kan bawa menari kan. Haah. Kedayan punya baju kebanyakan hitam merah. Jadi kami ambil dua warna tu saja.

Idea diambil pada busana asli Kedayan tapi telah dikurangkan dan hanya menggunakan warna merah dan hitam sahaja, perkara ini bagi memudahkan pergerakan dalam menari.

(Informan 8, Temu Bual, 2024, 28 Januari)

Berdasarkan temu bual di atas oleh Informan 8, penggunaan warna merah dan tidak melibatkan sebarang aksesori. Hal ini disebabkan supaya memudahkan pergerakan dalam membuat persembahan. Walau bagaimanapun, identiti kaum

Kedayan dapat dilihat berdasarkan penggunaan warna merah dan juga hitam.

### iii. Adaptasi Busana Kedayan



Rajah 24: Baju Kedayan dalam rekabentuk baju Kurta

Sumber: R7

Melalui temu bual oleh Informan 7 ada menyatakan:

Banarnya rupa baju kedayan ni simple saja macam yang uncle tu punya. Jadi dari sana abang dapat idea untuk adaptasi supaya baju tu lagi menarik dan sesuaikan rekaan untuk dipakai lelaki dengann boleh untuk mana-mana majlis.

Sebenarnya rekabentuk baju Kedayan ni mudah seperti pak cik yang di sebelah kanan. Abang dapat ilham untuk membuat pembaharuan supaya baju Kedayan lebih menarik dan sesuai digunakan mengikut majlis.

(Informan 7, Temu Bual, 2023, Deseimber 27)

Tambahan pula,

Nda jua lai. Tapi kalau ikut memang mesti ada ‘Kumbamban’ atau lonceng. Sebab itu baju Kedayan dinamakan sebagai baju kumbamban. Kuantiti lonceng tu inda kira berapa untuk di pakai di baju. Sama di baju mesti ada buah anjalai, di jahit jadikan macam manik.

Tidak juga, tapi kalau diikutkan memang mesti terdapat Kumbamban atau lonceng. Sebab itu, baju suku kaum Kedayan dinamakan sebagai baju Kumbamban. Kuantiti lonceng tidak terkira berapa banyak untuk diguna pada baju. Di baju juga mesti terdapat buah anjalai yang di jahit dan dijadikan sebagai manik.

(Informan 7, Temu Bual, 2023, Disember 27)

Menurut temu bual oleh Informan 7 seperti di atas, baju suku kaum Kedayan yang asli terdapat kumbamban atau lonceng tembaga tanpa mengira jumlah. Oleh sebab itu, baju suku kaum Kedayan dinamakan sebagai baju Kumbamban oleh suku kaum Kedayan di Labuan. Selain itu, pada baju suku kaum Kedayan juga mesti terdapat buah anjalai yang dijahit dan dijadikan sebagai manik.

#### 4.3 ANALISIS SOAL SELIDIK

Tinjauan melalui soal selidik telah dibuat dalam kajian ini. Seramai 162 orang responden daripada penduduk di Kampung Sungai Lada yang telah menjawab soalan soal selidik. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) bagi memperoleh kekerapan, peratusan dan min.

Proses analisis data dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D dan juga E. Bahagian A berkaitan demografi responden, Bahagian B membincangkan minat, Bahagian C berkaitan isu semasa, Bahagian D kurang pendedahan manakala Bahagian E berkaitan percampuran budaya.

**i. Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden.**

Pada bahagian A merupakan latar belakang bagi responden seperti jantina, umur dan juga bangsa.

**a) Jantina**

Perkara		Bilangan	%
<b>Jantina</b>	Lelaki	73	45
	Perempuan	89	54.94

Jadual 4.1: Jantina Responden  
Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Berdasarkan jadual 4.1, analisis kajian terhadap demografi responden telah menunjukkan seramai 73 orang (45%) responden dari kalangan lelaki manakala sebanyak 89 orang (54.94%) adalah terdiri daripada kalangan perempuan.

b) **Umur**

	<b>Perkara</b>	<b>Bilangan</b>	<b>%</b>
<b>Umur</b>	18 tahun ke bawah	15	9.26
	19 hingga 25 tahun	45	27.78
	26 hingga 35 tahun	42	25.93
	36 hingga 45 tahun	35	21.60
	46 tahun ke atas	25	15.43

Jadual 4.2 : Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 4.2 merupakan umur responden yang telah di analisis sebanyak seramai 15 orang (9.26%) yang berumur 18 tahun ke bawah manakala seramai 45 orang (27.78%) responden yang berumur 19 tahun hingga 25 tahun. Seterusnya, seramai 42 orang responden (25.93%) berumur 26 tahun hingga 35 tahun manakala seramai 35 orang (21.60%) responden yang berumur 36 tahun hingga 45 tahun dan akhir sekali, seramai 25 orang (15.43%) responden yang berumur 46 tahun ke atas.

## c) Bangsa

Perkara		Bilangan	%
Bangsa	Melayu	50	30.86
	Kedayan	78	48.15
	Bumiputra	26	16.05
	Lain – lain	8	4.94

Jadual 4.3: Bangsa responden

Sumber: Kajian Lapangan. 2023

Jadual 4.3 menunjukkan bangsa responden yang telah di analisis sebanyak 50 orang responden (30.86%) bangsa Melayu manakala sebanyak 78 orang responden (48.15%) bangsa Kedayan. Selain itu, bangsa Bumiputra sebanyak 26 orang responden (16.05%) dan akhir sekali bangsa lain-lain sebanyak 8 orang responden (4.94%).



ii. **Bahagian B, C, D dan E: Analisis Data Persoalan Kajian**

Analisis data bagi Bahagian B, C, D dan E dilakukan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan di dalam Bab 1. Maklum balas yang diberikan oleh responden dipecahkan kepada sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju, dan sangat setuju. Daripada jadual skala likert kepada empat (4) peringkat ditukar kepada dua (2) peringkat untuk pengukuran tahap.


<b>JADUAL SKALA LINKERT 5 PERINGKAT</b>	<b>2 PERINGKAT</b>
Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)
Tidak Setuju (TS)	
Kurang Setuju (KS)	
Setuju (S)	Setuju (S)
Sangat Setuju (SS)	

Jadual 4.4: Skala likert Lima (5) Peringkat Ditukar Kepada Dua (2) Peringkat

Permahaman Skor Min dilakukan berdasarkan skor min yang diperoleh melalui persoalan kajian. Penyelidik menggunakan kaedah di bawah bagi mendapatkan nilai julat yang sama dan seimbang pada setiap tahap yang diperlukan.

$$\frac{5 \text{ (Peringkat Skala empat Aras)} - 1}{2 \text{ ( Pembahagian Tahap)}} = 2$$

Maka,



Pengkaji bahagikan pertimbangan kepada rendah dan tinggi mengikut skor min dan kesemua pertimbangan bagi min yang diperoleh berdasarkan jadual 5. di bawah.

Nilai Min	Tahap
1.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 5.00	Tinggi

Jadual 4.5: Nilai Min Mengikut Purata

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.3.1 Bahagian B: Analisis Minat, Isu Semasa, Kurang Pendedahan, dan Percampuran Budaya.

##### i. Minat

Item	Pernyataan	TS		S		Min
		J	%	J	%	
1.	Adakah anda berminat dengan gaya pemakaian terkini?	70	43.21	92	56.79	3.41
2.	Adakah busana suku kaum Kedayan ketinggalan.	113	69.75	49	30.25	2.77
3.	Adakah busana suku kaum Kedayan tidak menarik?	123	75.93	39	24.07	2.22
4.	Adakah anda pernah bercadang untuk memakai pakaian suku kaum Kedayan?	43	26.54	119	73.46	3.81
5.	Ibu bapa mesti memupuk sikap minat anak mereka sejak kecil lagi.	22	13.58	140	86.42	4.34
<b>PURATA MIN</b>						<b>3.31</b>

Jadual 4.6 Analisis Minat

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 4.6 merupakan analisis kekerapan, peratusan, dan min berdasarkan borang soal selidik pada bahagian *minat* yang telah di jalankan di Kampung Sungai Lada.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, pada item lima (5) iaitu *Ibu bapa mesti memupuk sikap minat anak mereka sejak kecil lagi* mencapai nilai min tertinggi dengan jumlah 4.34. Seramai 140 orang (86.42%) setuju bahawa kanak-kanak mesti diberi pendedahan awal manakala sebanyak 22 orang (13.58%) yang tidak setuju . Nilai min bagi item lima (5) berada di tahap tinggi.

Selain itu, item tiga (3) iaitu *Adakah busana suku kaum Kedayan tidak menarik?* telah menunjukkan nilai min terendah sebanyak 2.22. Seramai 123 orang (75.93%) yang tidak setuju dengan pernyataan di atas manakala seramai 39 orang (24.07%) bersetuju. Nilai min bagi item tiga (3) berada di tahap rendah.

Seterusnya, item empat (4) merupakan kedua tertinggi iaitu *Adakah anda pernah bercadang untuk memakai pakaian suku kaum Kedayan?* telah menunjukkan nilai min sebanyak 3.81. Seramai 119 orang (73.46%) bersetuju yang mempunyai keinginan untuk memakai pakain suku kaum Kedayan manakala seramai 43 orang (-26.54%) yang tidak setuju dengan pernyataan di atas. Nilai min bagi item empat (4) berada di tahap tinggi.

Di samping itu, item satu (1) merupakan ketiga tertinggi iaitu *Adakah anda berminat dengan gaya pemakaian terkini* dengan jumlah nilai min 3.41. Seramai 92 orang (56.79%) setuju paling ramai manakala seramai 70 orang (43.21%) yang tidak bersetuju paling sedikit. Nilai min bagi item satu (1) berada di tahap tinggi.

Seterusnya, *Adakah busana suku kaum Kedayan ketinggalan* merupakan keempat tertinggi iaitu nilai min sebanyak 2.77 pada item dua (2). Seramai 113 orang (69.75%) yang tidak setuju manakala seramai 49 orang (30.25%) setuju dengan pernyataan di atas. Nilai min bagi item dua (2) berada di tahap rendah.

Berdasarkan analisis bagi *minat*, item lima (5) menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.34 diikuti dengan item empat (4) dengan nilai min 3.81 dan item satu (1) dengan nilai min 3.41 manakala item dua (2) dan item tiga (3) menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu 2.77 dan 2.22. Secara keseluruhan, purata nilai min sebanyak 3.31 iaitu berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhan minat individu perlu disemai supaya lebih meminati busana kaum Kedayan dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Lada.

ii. Isu Semasa

Item	Pernyataan	TS		S		Min
		J	%	J	%	
1.	Adakah busana suku kaum Kedayan dapat berkembang maju?.	35	21.60	127	78.40	4.03
2.	Adakah pembuatan baju busana tradisi kaum Kedayan semakin berkurang?	52	32.10	110	67.90	3.80
3.	Gaya terkini lebih banyak permintaan berbanding dengan pakaian tradisi.	34	20.99	128	79.01	4.03
4.	Tradisi budaya kaum Kedayan sangat tidak penting.	131	80.86	31	19.14	2.20
5.	Busana suku kaum Kedayan tidak meningkatkan pendapatan ekonomi negara.	117	72.22	45	27.78	2.78
<b>PURATA MIN</b>						<b>3.37</b>

Jadual 4.7 Analisis Isu Semasa

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 4.7 menunjukkan analisis kekerapan, peratusan dan min berdasarkan borang soal selidik pada bahagian *isu semasa* yang telah dijalankan di Kampung Sungai Lada.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, item satu (1) iaitu *Adakah busana suku kaum Kedayan dapat berkembang maju?* dan tiga (3) ialah *Gaya terkini lebih banyak permintaan berbanding dengan pakaian tradisi* mencapai nilai min tertinggi yang berjumlah 4.03. Seramai 127 orang (78.40%) bagi item satu (1) manakala seramai 128 orang (79.01%) bagi item tiga (3) setuju bahawa busana kaum Kedayan boleh dikembangkan. Seramai 35 orang (21.60%) bagi item satu (1) dan 34 orang (20.99%) bagi item tiga (3) tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min bagi item satu (1) dan tiga (3) berada di tahap yang tinggi.

Selain itu, item empat (4) iaitu *Tradisi budaya kaum Kedayan sangat tidak penting* mencapai nilai min yang paling rendah dengan jumlah 2.20. Sebanyak 131 orang (80.86%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut manakala 31 orang (19.14%) setuju. Nilai min bagi item empat (4) berada di tahap rendah.

Seterusnya, item dua (2) merupakan kedua iaitu *Adakah pembuatan baju busana tradisi kaum Kedayan semakin berkurang?* yang mencapai nilai min kedua tertinggi iaitu dengan jumlah 3.80. Sebanyak 110 orang (67.90%) telah setuju dengan pernyataan tersebut manakala sebanyak 52 orang (32.10%) tidak setuju. Nilai min item dua (2) berada di tahap tinggi.

Item lima (5) di atas menunjukkan *Busana suku kaum Kedayan tidak meningkatkan pendapatan ekonomi negara* mencapai nilai min rendah iaitu berjumlah

2.78 merupakan ketiga tertinggi. Sebanyak 117 orang (72.22%) tidak setuju pernyataan tersebut manakala sebanyak 45 orang (27.78%) yang setuju. Nilai item bagi lima (5) berada di tahap rendah.

Berdasarkan analisis bagi *isu semasa*, item satu (1) dan item tiga (3) menunjukkan nilai min yang paling tinggi dengan jumlah 4.03 diikuti dengan item dua (2) dengan nilai min 3.80 manakala item lima (5) dan item empat (4) menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu berjumlah 2.78 dan 2.20. Secara keseluruhan, purata nilai min sebanyak 3.37. yang berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhan isu semasa juga berkait rapat dengan busana suku kaum Kedayan.



## iii. Kurang Pendedahan

Item	Pernyataan	TS		S		Min
		J	%	J	%	
1.	Ibu bapa tidak mendedahkan kepada anak mereka mengenai kebudayaan kaum Kedayan.	64	39.51	98	60.49	3.56
2.	Adakah anda pernah melihat busana tradisi suku kaum Kedayan sendiri?.	49	30.25	113	69.75	3.88
3.	Busana suku kaum Kedayan tidak diturunkan secara turun temurun.	82	50.62	80	49.38	3.40
4.	Adakah anda pernah bercadang untuk mengetahui budaya sendiri dengan lebih mendalam?.	30	18.52	132	81.48	4.07
5.	Adakah anda pernah ambil peduli mengenai tradisi suku kaum Kedayan?	33	20.37	129	79.63	4.09
<b>PURATA MIN</b>						<b>3.80</b>

Jadual 4.8 Analisis Kurang Pendedahan

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 4.8 menunjukkan analisis kekerapan, peratusan dan nilai min berdasarkan borang soal selidik pada bahagian *kurang pendedahan* yang telah dijalankan di Kampung Sungai Lada.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, item lima (5) seperti *Adakah anda pernah ambil peduli mengenai tradisi suku kaum Kedayan?* telah menunjukkan nilai min yang paling tinggi yang berjumlah 4.09. Sebanyak 129 orang (79.63%) setuju manakala sebanyak 33 orang (20.37%) tidak setuju dengan pernyataan di atas. Nilai item bagi lima (5) berada pada tahap tinggi.

Selain itu, item tiga (3) *Busana suku kaum Kedayan tidak diturunkan secara turun temurun* mencapai nilai min paling rendah berjumlah 3.40. Sebanyak 80 orang (49.38%) setuju dengan baju kaum Kedayan kurang didedahkan manakala 82 orang (50.62%) yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai item tiga (3) berada pada tahap tinggi.

Seterusnya, kedua tinggi ialah item empat (4) iaitu *Adakah anda pernah bercadang untuk mengetahui budaya sendiri dengan lebih mendalam?* berjumlah 4.07. Seramai 132 orang (81.48%) setuju dengan pernyataan tersebut manakala 30 orang (18.52%) tidak setuju. Nilai item bagi empat (4) berada pada tahap tinggi.

Item dua (2) merupakan ketiga tinggi iaitu *Adakah anda pernah melihat busana tradisi suku kaum Kedayan sendiri?* berjumlah 3.88. Seramai 113 orang (69.75%) setuju dengan pernyataan tersebut manakala 49 orang (30.25%) tidak setuju. Nilai item bagi dua (2) berada pada tahap tinggi.

Seterusnya, item satu (1) merupakan keempat tinggi iaitu *Ibu bapa tidak mendedahkan kepada anak mereka mengenai kebudayaan kaum Kedayan* dengan nilai min berjumlah 3.56. Sebanyak 98 orang (60.49%) setuju dengan pernyataan tersebut manakala sebanyak 64 orang (39.51%) tidak setuju. Nilai item bagi satu (1) berada pada tahap tinggi.

Berdasarkan analisis bagi *kurang pendedahan* telah menunjukkan item lima (5) nilai min yang paling tinggi iaitu 4.09 diikuti dengan item empat (4) berjumlah 4.07, item dua (2) berjumlah 3.88, item satu (1) dengan jumlah 3.56 dan item tiga (3) berjumlah 3.40. Secara keseluruhan, purata nilai min sebanyak 3.80 yang berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhan kurang pendedahan juga berkait rapat dengan pengetahuan individu berkaitan dengan busana Kedayan.

iv. Percampuran Budaya

Item	Pernyataan	TS		S		Min
		J	%	J	%	
1.	Perkahwinan campur menyebabkan kebudayaan terjejas.	67	41.36	95	58.64	3.46
2.	Kebudayaan tradisi sendiri sering diabaikan.	61	37.65	101	62.35	3.72
3.	Adakah perselisihan faham menyebabkan tradisi budaya tidak dapat dijaga?.	80	49.38	82	50.62	3.41
4.	Adakah identiti suku kaum Kedayan semakin terhakis?.	53	32.72	109	67.28	3.78
5.	Saya lebih suka memakai pakaian tradisi kaum Melayu?	32	19.75	130	80.25	4
<b>PURATA MIN</b>						<b>3.67</b>

Jadual 4.9 Analisis Percampuran Budaya

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Jadual 4.9 menunjukkan analisis kekerapan, peratusan dan nilai min berdasarkan borang soal selidik pada bahagian *percampuran budaya* yang telah dijalankan di Kampung Sungai Lada.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, item lima (5) iaitu *.Saya lebih suka memakai pakaian tradisi kaum Melayu?* menunjukkan nilai min yang tertinggi berjumlah 4. Sebanyak 130 orang (80.25%) yang setuju dengan suka memakai pakaian Melayu manakala 32 orang (19.75%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Nilai item bagi lima (5) berada di tahap tinggi.

Selain itu, item tiga (3) menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu *Adakah perselisihan faham menyebabkan tradisi budaya tidak dapat dijaga* yang berjumlah 3.41. Sebanyak 82 orang (50.62%) setuju dengan pernyataan tersebut manakala sebanyak 80 orang (49.38%) tidak setuju. Nilai item bagi tiga (3) berada di tahap tinggi.

Seterusnya, item empat (4) merupakan nilai min kedua tertinggi yang berjumlah 3.78 iaitu *Adakah identiti suku kaum Kedayan semakin terhakis?*. Sebanyak 109 orang (67.28%) setuju dengan pernyataan tersebut manakala 53 orang (32.72%) tidak setuju. Nilai item bagi empat (4) berada di tahap tinggi.

Item dua (2) merupakan nilai min ketiga tertinggi yang berjumlah 3.72 iaitu *Kebudayaan tradisi sendiri sering diabaikan*. Sebanyak 101 orang (62.35%) setuju dengan pernyataan di atas manakala sebanyak 61 orang (37.65%) tidak setuju. Nilai item bagi dua (2) berada di tahap yang tinggi.


Di samping itu, item satu (1) merupakan nilai min keempat tertinggi berjumlah 3.46 iaitu *Perkahwinan campur menyebabkan kebudayaan terjejas*. Sebanyak 95 orang (58.64%) setuju dengan perkahwinan campur menyebabkan kebudayaan tidak diamalkan manakala 67 orang (41.36%) tidak setuju. Nilai item bagi satu (1) berada di yang tahap tinggi.

Berdasarkan analisis bagi *percampuran budaya* telah menunjukkan item lima (5) nilai min yang paling tinggi iaitu 4 diikuti dengan item empat (4) dengan nilai min 3.78, item dua (2) berjumlah 3.72, item satu (1) dengan jumlah 3.46 dan item tiga (3) iaitu 3.41. Secara keseluruhan, purata nilai min sebanyak 3.67 dan pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan percampuran budaya juga menyebabkan kebudayaan kaum Kedayan terjejas termasuk dengan busana kaum Kedayan.

#### **4.4 PERSEPSI MASYARAKAT DI KAMPUNG SUNGAI LADA MENGENAI BUSANA SUKU KAUM KEDAYAN**

Faktor dalam dan luaran mempengaruhi persepsi yang dipelapor oleh Miftah Toha (2000). Faktor dalaman termasuk pengalaman, sikap dan keperibadian seseorang, prasangka, keinginan atau harapan, kemampuan berfikir, perhatian atau fokus, proses belajar, keadaan fizikal, gangguan kejiwaan, penilaian, minat dan dorongan. Namun begitu, latar belakang keluarga, maklumat yang diperolehi, pengetahuan dan keadaan persekitaran adalah faktor luaran.

Oleh itu, pendekatan Miftah Toha (2000) melalui teori persepsi digunakan untuk menganalisis faktor yang mempengaruhi persepsi responden kajian. Berdasarkan analisis soal selidik menunjukkan faktor dalaman manakala temu bual merupakan faktor luaran yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap busana suku kaum Kedayan seperti sejarah suku kaum Kedayan, persepsi masyarakat di Kampung Sungai Lada dan langkah melestarikan busana suku kaum Kedayan.



Rajah 25: Faktor Dalam dan Faktor Luaran Berdasarkan Teori Persepsi oleh Miftah Toha (2000)



#### 4.4.1 Faktor Dalaman

Faktor dalaman yang mempengaruhi persepsi responden terhadap busana kaum Kedayan adalah melibatkan pengalaman, keperibadian individu, keinginan dan minat. Persepsi responden bergantung dengan penerimaan mereka terhadap busana suku kaum Kedayan dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Lada berdasarkan analisis soal selidik melalui nilai min tertinggi.

Melalui hasil analisis Jadual 4.6 iaitu *Ibu bapa mesti memupuk minat anak mereka sejak kecil lagi* dengan nilai min sebanyak 4.34. Ibu bapa juga berperanan dalam menerapkan kebudayaan pada anak mereka selain mendidik. Hal ini kerana kebudayaan merupakan identiti bagi sesuatu bangsa. Menurut Roslelawati Abdullah (2018), Anak-anak harus diajar seni, budaya dan sejarah tempatan sejak kecil supaya mereka mempunyai pengetahuan asas. Pengkaji juga mendapati penduduk Kampung Sungai Lada tidak mengetahui akan busana kaum Kedayan iaitu baju Kumbamban. Disokong lagi dengan Informan 1, baju kumbamban berjaya diangkat sedikit di Labuan. Hal ini kerana penggunaan nama baju Kedayan tidak lagi digunakan di Labuan dan digantikan dengan nama yang khusus iaitu baju Kubamban.

Selain itu, hasil analisis Jadual 4.7 iaitu *Adakah busana kaum Kedayan dapat berkembang maju?* dan *Gaya terkini lebih banyak permintaan berbanding pakaian tradisi* dengan nilai min sama iaitu 4.03 dalam aspek keinginan. Pengkaji juga mendapati perkara ini disebabkan oleh faktor umur. Menurut Informan 5, *...orang muda-muda sekarang tidak berapa tertarik. Tambahan lagi, kalau maci tu tidaklah.. sebab tua sudah..* Perkara ini jelas menunjukkan keinginan seseorang juga berubah dan

tidak sesuai mengikut umur.

Seterusnya, hasil analisis Jadual 4.8 iaitu *Adakah anda pernah ambil peduli mengenai tradisi suku kaum Kedayan* dengan nilai min iaitu 4.09. Kebudayaan semakin lama semakin terhakis disebabkan berlakunya peredaran masa. Kesannya, sebilangan kebudayaan kaum Kedayan sudah pupus seperti makan tahun yang tidak lagi dijalankan di Labuan. Hal ini disebabkan oleh tanaman padi tidak lagi dijalankan dan menyukarkan untuk mengadakan makan tahun. Namun, makan tahun tetap dijalankan di Sabah dan Sarawak. Hal ini disokong oleh Informan 1 yang telah menyatakan bahawa *kedatangan WAKAL dan KUMALA di alu-alukan..*

Akhir sekali, hasil analisis Jadual 4.9 iaitu *Saya lebih suka memakai pakaian tradisi kaum Melayu?* dengan nilai min 4.00. Pengkaji mendapati terdapat segelintir penduduk Kampung Sungai Lada menganggap baju Melayu sebagai baju tradisi mereka. Perkara ini disokong oleh Amde Sidik (2009), bangsa Kedayan semakin pupus dan menggelarkan diri mereka sebagai bangsa Melayu. Perkara ini menyebabkan tradisi dan kebudayaan kaum Kedayan semakin pupus termasuk busana tradisi. Pada masa yang sama, kaum Kedayan juga hilang identiti mereka disebabkan kecelaruan budaya. Oleh itu, *saya lebih suka memakai pakaian tradisi kaum Melayu* merupakan keperibadian kaum Kedayan di Kampung Sungai Lada yang menyebabkan mereka tidak kenal identiti mereka sendiri.

Berdasarkan analisis kajian mendapati responden kajian juga kurang pendedahan kepada kebudayaan suku kaum Kedayan. Hal ini kerana mereka lebih selesa dengan mengamalkan kebudayaan kaum Melayu. Perkara ini terbukti semasa

pengkaji sendiri pergi ke lapangan dan terdapat segelintir responden yang tidak tahu akan baju tradisi kaum Kedayan. Bahkan, nama baju Kumbamban juga begitu asing bagi mereka. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Datuk Hajah Rosey Yunus (2022) iaitu anak muda mestilah mendalami kebudayaan kaum Kedayan supaya tidak dilupakan. Melalui pernyataan tersebut membuktikan kaum Kedayan kini kurang penerapan budaya dalam diri mereka. Misalnya, penggunaan baju tradisi kaum Kedayan iaitu baju Kumbamban tidak sama sekali diambil peduli. Hal ini disebabkan mereka telah didedahkan dengan kebudayaan Melayu sejak dari kecil, sekaligus telah menyebabkan kebudayaan dan tradisi kaum Kedayan tidak lagi diamalkan.

#### 4.4.2 Faktor Luaran

Faktor luaran juga memberi kesan kepada pengetahuan responden terhadap busana suku kaum Kedayan iaitu baju Kumbamban. Faktor ini dapat mengubah sudut pandangan responden dan mempengaruhi proses penerimaan atau dikenali sebagai persepsi terhadap baju tradisi. Kreitner dan Kinicki (2005) menyatakan bahawa persepsi yang melibatkan faktor luaran merupakan proses trafsiran dan pemahaman kepada lingkungan dan persekitaran yang memberi kesan baik (positif) terhadap individu yang mempunyai pengalaman tersebut.

Antara faktor luaran yang dapat dikenalpasti ialah faktor sejarah. Melalui hasil temu bual bersama responden pengkaji mendapati penggunaan warna dan merah merupakan identiti bagi suku kaum Kedayan. Warna merah melambangkan semangat manakala warna hitam melambangkan kekuatan pendoman hidup. Melalui hasil temu bual bersama Informan 1 telah menyatakan warna hitam merupakan warna yang mudah untuk dihasilkan berbanding dengan warna-warna lain. Hal ini kerana pada zaman dahulu untuk mendapatkan sumber menghasilkan baju sangat terhad.

Selain itu, faktor kepercayaan. Sejak dahulu lagi suku kaum Kedayan kuat terhadap pengaruh animisme. Misalnya, suku kaum Kedayan mempercayai Kumbamban atau lonceng yang diperbuat daripada tembaga dapat melindungi mereka dari gangguan makhluk halus. Ia juga dijadikan sebagai alat pengesan kepada anak-anak mereka bagi bertujuan keselamatan. Selain Kumbamban, hanjalai pinglas juga mempunyai fungsi sama iaitu untuk pelindungan. Namun, penggunaan kumbamban dan hanjalai pinglas masih lagi dikekalkan sehingga ke hari ini.

Seterusnya, Faktor maklumat. Ia memberikan pengetahuan kepada kaum Kedayan berkaitan dengan cara pemakaian. Hal ini kerana cara pemakaian kaum Kedayan juga mempunyai makna. Melalui temu bual bersama Informan 1 dan 3 ada menyatakan bahawa status wanita dapat diketahui melalui kedudukan pada pancang kain. Selain itu, penggunaan kumbamban juga melambangkan status seseorang. Bahkan, penggunaan kumbamban pada angka yang banyak menunjukkan orang berada pada zaman dahulu.

Akhir sekali, faktor persekitaran juga memainkan peranan penting pada identiti kaum Kedayan. Misalnya, suku kaum Kedayan mudah dikenali melalui pemakaian warna merah dan hitam pada pakaian mereka dan dihiasi dengan kumbamban. Hal ini kerana hanya suku kaum Kedayan yang beridentiti dengan menggunakan warna merah dan hitam sebagai simbolik mereka. Oleh itu, faktor persekitaran memainkan peranan bagi mengenal identiti suku kaum Kedayan melalui penggunaan warna pada baju mereka.

## 4.5 LANGKAH UNTUK MELESTARIKAN BUSANA SUKU KAUM KEDAYAN

Terdapat langkah yang dilakukan dalam melestarikan busana suku kaum Kedayan. Hal ini dilakukan untuk memartabatkan baju “Kumbamban” dalam kalangan masyarakat Kedayan.

### 4.5.1 Pelestarian Melalui Persatuan

Persatuan juga memainkan peranan penting dalam melestarikan baju kaum Kedayan dalam kalangan masyarakat. Terdapat langkah pelestarian yang dilakukan oleh persatuan bagi meragakan busana suku kaum Kedayan.

#### i. Wais Anak Kedayan (WAKAL)



Rajah 26: Logo Persatuan WAKAL

Sumber: Facebook

<https://www.facebook.com/photo.php?fbid=437211741846779&set=a.437211698513450&type=3&mibextid=I6gGtw>

Merujuk rajah 26, menunjukkan logo persatuan Wais Anak Kedayan (WAKAL). WAKAL ditubuhkan untuk membudayakan kebudayaan kaum Kedayan. Terdapat langkah yang telah dibuat oleh WAKAL dalam melestarikan busana tradisi kaum Kedayan.



Gambar 27: Majlis Makan Tahun

Sumber: R1

Rajah 27 di atas merupakan makan tahun salah satu tradisi suku kaum Kedayan. Makan tahun diadakan selepas musim mengetam padi dan telah diamalkan sejak dahulu lagi sehingga kini. Bagi menyambut acara makan tahun, suku kaum Kedayan akan memakai pakaian tradisi mereka.

Namun mutakhir makan tahun di Labuan sudah hilang atau pupus. Namun majlis makan tahun terus di buat d angkat d Sabah, Sarawak dan Brunei. Kehadiran WAKAL dan KUMALA, melalui jemputan untuk bersama dalam acara makan tahun atu bersama.

Tradisi makan tahun di Labuan sudah tidak lagi di buat atau pupus. Namun, Sabah, Sarawak dan Brunei masih lagi mengamalkan tradisi makan tahun dan menjemput WAKAL dan KUMALA untuk turut serta.

(Informan 1, Temu Bual, 2024, Januari 27)

ii. *Dansa Art Production*



Rajah 28: Logo *Dansa Art Production*

Sumber: *Facebook*

<https://www.facebook.com/share/SesqWQ8nLcLHqR7P/?mibextid=I6gGtw>

Rajah 28 di atas merupakan logo *Dansa Art Production* salah satu kumpulan kebudayaan yang mempersembahkan tarian pelbagai kaum termasuklah kaum Kedayan. Menurut Informan 8 telah menyatakan bahawa baju kaum Kedayan telah dikreatifkan bagi digunakan semasa persembahan Borneo Art Festival 2023 di Labuan.



Rajah 29: Baju penari Kedayan Kreatif

Sumber: *Instagram*

<https://www.instagram.com/p/Cx5WrO4SbpO/?igsh=bTl6dW5lbTRra3l1>



#### 4.5.2 Pelestarian Melalui Pengusaha Kedai Jahit Baju Tradisi



Rajah 30: Pembuatan Baju Tradisi Kedayan

Sumber: R3

Rajah 30 merupakan pengusaha kedaijahit baju tradisi kaum Kedayan. Hal ini disokong melalui temu bual bersama Informan 3:

Awu... itu saja caranya kitani menjaga warisan Kedayan ani. Mun kitani inda biarkan saja. ilang cematu saja..

Ya.... Ia salah satu cara kita untuk melindungi warisan Kedayan. Kalau kita biarkakan warisan Kedayan hilang begitu saja.

(Informan 3, Temu bual, 2023, Disember 19)

Tambahan pula, Informan 7:

Supaya generasi akan datang kenal dan tau akan baju tradisi kaum Kedayan. Amnya untuk orang-orang ramai dan khususnya untuk anak-anak atau yang siapa-siapa yang berbangsa Kedayan.

Hal ini kerana genari akan datang akan kenal dan tahu dengan baju tradisi kaum Kedayan. Ia bagi untuk orang-orang ramai dan berbangsa Kedayan

(Informan 7, Temu Bual, 2024, Januari 9)

### 4.5.3 Pelestarian Melalui Masyarakat

Pelestarian melalui masyarakat tercetus apabila mempunyai keinginan untuk menggunakan pakaian tradisi kaum Kedayan. Terdapat beberapa langkah yang dapat dilakukan oleh masyarakat. Antaranya:

#### i. Perkahwinan



Rajah 31: Perkahwinan Suku Kaum Kedayan

Sumber: Majlis Perkahwinan, 2019

Merujuk rajah 31, busana suku kaum Kedayan digunakan dalam majlis perkahwinan. Perkara ini disokong oleh Amde Sidek (2009), beliau menceritakan baju lelaki suku kaum Kedayan masa kini seperti jaket sukan. Selain itu, baju suku kaum Kedayan berwarna hitam dan seluar yang longgar setara dengan ketinggian.

Yang malam, cuba ko liat gambarnya malam berinai. Pakai baju anu tu..

Pada malam tu, cuba lihat gambarnya semasa malam berinai. Pakai baju tu...

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Menurut temu bual di atas oleh Informan 2 ada menyatakan pakaian baju Kedayan juga digunakan semasa malam berinai. Hal ini disokong lagi oleh Amdee Sidek (2009) melalui penulिसannya ialah pakaian tradisi suku kaum Kedayan dipakai semasa menghadiri majlis, perkahwinan, kenduri dan sebagainya. Selain itu, dapat dibuktikan lagi dengan sesi temu bual dengan Informan 10 berkaitan penggunaan baju suku kaum Kedayan pada majlis perkahwinan:

Memang tradisi kaum Kedayan..So pakai lah baju tu

Sememangnya sebahagian dari tradisi suku kaum Kedayan. Jadi, digunalah baju tu.

(Informan 10, Temu Bual, 2024, Januari 23)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan baju suku kaum Kedayan semasa hari perkahwinan disebabkan sememangnya berketurunan dari kaum Kedayan. Hal ini jelas identiti suku kaum Kedayan masih lagi dikekalkan dan diamalkan. Perkara ini disokong lagi dengan temu bual dengan Informan 1:

Ada tapi peringkat keluarga dan Kampung ja. Contoh batimbang (kawin), batunang, tamu.

Ada tapi untuk keluarga dan penduduk kampung ja. Contohnya, majlis kahwin, bertunang dan juga pelawat.

(Informan 1, Temu Bual, 2024, Januari 27)

## ii. Peragaan Busana Kedayan



Rajah 32: Baju Kumbamban diragakan di Indonesia

Sumber: R3

Berdasarkan rajah 32 di atas, baju Kumbamban telah dipakai di Indonesia semasa Informan 3 sedang bercuti. Melalui tindakan yang dilakukan dapat memperkenalkan kaum Kedayan melalui pemakaian busana tradisi kepada masyarakat. Hal ini dapat menarik perhatian masyarakat pada busana kaum Kedayan. Hal ini disokong dengan temu bual bersama Informan 2:

Kerana baju Kedayan ni pun sudah banyak yang mengenalinya aaa di asia tenggara ni hampir keseluruhan ni sudah ni lah mengenali aaaa busana etnik kedayan ini. sesetengah urang kami sudah aa memakai pakaian ni aa Indonesia pun sudah.. jadi salah satu usaha daripada kami untuk memperluaskan dan memperkenalkan lagi aaa pakaian tradisional suku kaum Kedayan ni lah.

Baju kaum Kedayan telah banyak dikenali di Asia Tenggara. Terdapat ahli WAKAL telah menggunakan pakaian tradisi kaum Kedayan di Indonesia. Hal ini merupakan salah satu usaha bagi mempromosi busana suku kaum Kedayan.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)



Rajah 33: Sambutan Hari Malaysia, 2018

Sumber: R4

Berdasarkan rajah 33 di atas, merupakan Sambutan Hari Malaysia pada tahun 2018. Persatuan WAKAL telah melakukan perarakan kibarkan jalur gemilang dengan pemakaian baju Kumbamban. Nelson Wong Yi Hau (2019) berpendapat jalur gemilang merupakan objek yang perlu dibanggakan sebagai warganegara Malaysia. Perkara ini menunjukkan lambang pengorbanan, kebebasan, dan juga kebanggaan sebagai menjadi rakyat Malaysia.

### iii. Restoran Cahaya Mentari



Rajah 34: Restoran Cahaya Metari di Kampung Nagalang

Sumber: R6

Rajah 34 merupakan Restoran Cahaya Mentari yang menyajikan makanan tradisi kaum Kedayan iaitu hambuyat. Restoran ini juga mempersembahkan kebudayaan kaum Kedayan Labuan termasuklah dalam penggunaan Baju Kumbamban.



Rajah 35: Menumpah Hambuyat

Sumber: R6



Rajah 36: Pemakain Baju Kumbamban dan membudayakan budaya kaum Kedayan

Sumber: R6

MALAYSIA

KELANTAN

iv. **Persembahan**



Rajah 37: Persembahan Bamukun oleh KUMALA

Sumber: R2

Merujuk rajah 37, Ahli Kumpulan Mukun Anak Labuan (KUMALA) berpakaian tradisi suku kaum Kedayan iaitu baju ‘Kumbamban’ sempena penutupan program *Victoria Muzik Festival* di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan pada 10 September, 2023.

Bamukun ani macam balas-balas pantun cemaatu, sama apa tu betandak menari catu. Biasanya laki-laki. Mun, bini-bini yang begandang sambil duduk.

Bermukun ialah balas pantun sambil menari. Biasanya, dilakukan oleh lelaki. Kalau yang perempuan memukul gendang sambil duduk.

(Informan 2, Temu Bual, 2023, Oktober 3)

Berdasarkan temu bual di atas oleh Informan 2, Bemukun merupakan tradisi dari suku kaum Kedayan. Bemukun merupakan aktiviti berbalas pantun sambil menari dengan iringan gendang.

cuma kalau ada jemputan dan lain-lain akan di usahakan untuk memenuhi nya. Yang berjaya di angkat sikit-sikit baju kubamban, kebudayaan bamukun, bahasa kadayan dlm interaksi dan dalam lagu-lagu dan sebagainya.

Cuma kalau ada jemputan barulah kumpulan KUMALA akan membuat persembahan. Kumpulan ini berjaya memperkenalkan baju Kumbamban, bermukun, bahasa Kedayan melalui interaksi, lagu dan sebaaginya.

(Informan 1, Temu Bual, 2024, Januari 24)

#### **4.6 KESIMPULAN**

Melalui bab empat (4), pengkaji telah membincangkan analisis data yang diperoleh daripada soal selidik seramai 162 orang responden. Responden terdiri daripada penduduk Kampung Sungai Lada. Data telah dianalisis berdasarkan persoalan kajian dengan menggunakan kaedah deskripif. Pengkaji juga menggunakan kaedah skala linkert pada bahagian B.

Selain itu, pengkaji telah temu bual seramai sembilan (9) orang Informan. Setiap informan mempunyai kepakaran tersendiri. Soalan temu bual menggunakan kaedah separa bagi mendapatkan maklumat lebih bagi menyokong kajian pengkaji. Seterusnya, bagi objektif 1 pengkaji telah menerangkan berkenaan sejarah pakaian suku kaum Kedayan, busana kaum Kedayan, baju Kumbamban, perhiasan dan juga inovasi pada baju kaum Kedayan.



Objektif dua (2), pengkaji mengkaji persepsi penduduk Kampung Sungai Lada berdasarkan analisis hasil daripada soal selidik pada bahagian B. Bahagian B ini merangkumi empat (4) aspek iaitu *Minat, Isu semasa, Kurang Pendedahan* dan juga *Percampuran Budaya*. Pengkaji menggunakan nilai min yang tertinggi dan kaitkan dengan teori persepsi oleh Miftah Toha (2000) berdasarkan faktor dalaman dan faktor luaran berkaitan dengan busana suku kaum Kedayan dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Lada. Berdasarkan objektif tiga (3), pengkaji menghuraikan langkah pelestarian busana suku kaum Kedayan melalui tiga (3) aspek iaitu persatuan, pengusaha pembuat baju dan juga individu.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini menerangkan berkaitan rumusan keseluruhan bab secara ringkas. Perkara ini merangkumi pengenalan, kajian lepas, metodologi penyelidikan dan analisis data. Selain itu, bab ini juga berkait rapat dengan dapatan utama dan cadangan kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji pada masa yang akan datang. Akhir kata, bab ini menerangkan berkaitan rumusan secara keseluruhan.

#### **5.2 RINGKASAN**

Kajian Pelestarian Busana suku kaum Kedayan: Kajian di Kampung Sungai Lada Labuan telah dijalankan untuk mengenal pasti sejarah pakaian tradisi suku kaum Kedayan. Selain itu, kajian ini juga turut dilakukan bagi mengkaji persepsi masyarakat di Kampung Sungai Lada mengenai busana kaum Kedayan dan juga membincangkan langkah untuk melestarikan busana suku kaum Kedayan. Oleh itu, kajian di bab lima mengandungi beberapa subtopik bagi mencapai tiga objektif tersebut.

Bab awal membincangkan pengenalan kajian yang merangkumi pernyataan masalah, persoalan, objektif kajian serta skop kajian. Selain itu, bab ini juga menerangkan berkaitan kepentingan kajian terhadap individu, masyarakat dan juga negara. Selain itu, bab dua membincangkan berkaitan sorotan kajian lepas iaitu berkaitan dengan suku kaum Kedayan, warisan tidak ketara, pelestarian dan busana. Selain itu, bab dua ini juga merangkumi kerangka teori persepsi yang digunakan untuk diaplikasikan dalam analisis bagi mengkaji persepsi masyarakat di Kampung Sungai Lada mengenai busana kaum Kedayan.

Seterusnya, bab tiga membincangkan berkaitan metodologi kajian serta kaedah yang digunakan dalam analisis kajian. Kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan data primer dan juga sekunder. Hasil dapatan data primer yang digunakan ialah kaedah pemerhatian, merangkumi temu bual, dan juga soal selidik. Manakala, dapatan data sekunder ialah kaedah kepustakaan dan juga sumber internet. Seterusnya, teknik analisis deskriptif digunakan bagi dapatan data kuantitatif manakala analisis tematik digunakan untuk dapatan data bagi kualitatif. Malah, kaedah persampelan yang telah digunakan ialah kaedah bebola salji.

Seterusnya, bab empat menerangkan berkaitan dengan analisis dapatan kajian yang diperoleh melalui tinjauan soal selidik bersama 162 orang responden dan temu bual bersama sembilan orang responden. Temu bual dilakukan secara separa berstruktur untuk mendapatkan maklumat berkaitan busana kaum Kedayan bagi mencapai objektif kajian.

### 5.3 RUMUSAN KAJIAN

Melalui hasil dapatan kajian yang pertama berkaitan dengan sejarah busana suku kaum Kedayan. Pengkaji mendapati pada tahun 2013 telah menamakan busana tradisi sebagai Baju Kumbamban. Nama Kumbamban diambil sempena nama loceng yang diperbuat daripada tembaga dan dijadikan sebagai perhiasan pada baju kaum Kedayan. Selain itu, pengkaji juga mendapati terdapat inovasi yang dilakukan pada baju Kumbamban. Hal ini dilakukan bagi menarik minat kaum Kedayan untuk memakai busana tradisi kaum Kedayan dan tidak berlaku kepupusan.

Seterusnya, pengkaji turut menjalankan soal selidik di Kampung Sungai Lada bagi mengetahui persepsi masyarakat berkaitan dengan baju kaum Kedayan. Pengkaji ingin mengetahui pemahaman dan pengetahuan penduduk Kampung Sungai Lada sama ada mereka mengamalkan serta mendalami kebudayaan suku kaum Kedayan.

Akhir sekali, terdapat langkah pelestarian yang dilakukan pada baju kumbamban kaum Kedayan di Labuan. Antaranya ialah pelestaraian melalui persatuan seperti WAKAL, Dansa Art Production dan melalui individu seperti perkahwinan, peragaan busana, dan juga persembahan.

### 5.4 CADANGAN

Kajian terhadap busana suku kaum Kedayan kurang lagi dijalankan. Oleh itu, pengkaji berharap kajian berkaitan dengan kaum Kedayan dapat diperluaskan lagi. Hal ini kerana pengkaji mendapati suku kaum Kedayan kurang dikenali dan mendapat sambutan

dalam sesuatu kajian. Bahkan, perkara ini bukan sahaja bagi menutup kelompongan dalam memperoleh sumber rujukan. Malah, ia juga dapat digunakan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak institusi tinggi (IPT) sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi, ia dapat membantu generasi kini dan akan datang lebih mengenali suku kaum Kedayan dengan lebih dekat lagi.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pemahaman budaya suku kaum Kedayan kepada masyarakat. Pengkaji juga mendapati pemahaman berkaitan dengan baju Kumbamban agak kurang dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Lada. Hal ini kerana kaum Kedayan di Kampung Sungai Lada lebih mengamalkan kebudayaan kaum Melayu. Kesannya, kebudayaan suku kaum Kedayan terjejas dan semakin dilupakan termasuklah penggunaan baju tradisi kaum Kedayan iaitu baju kumbamban.

Seterusnya, ibu bapa memupuk minat anak-anak memakai pakaian suku kaum mereka. Hal ini dapat membantu anak-anak mendalami dan menjiwai budaya mereka sendiri. Disebabkan arus pemodenan kini, golongan muda lebih memilih gaya terkini berbanding dengan pakaian tradisi mereka. Perkara ini jelas terbukti melalui pakaian yang mereka guna semasa hari perkahwinan secara amnya. Tambahan pula, jika ia tidak dibendung, sudah pasti kebudayaan kaum Kedayan akan hilang dan semakin dilupakan.

Di samping itu, aktiviti kebudayaan dalam kalangan masyarakat perlu ditingkatkan. Perkara ini merupakan salah satu tindakan yang dapat menyumbang dalam mempromosikan kebudayaan kaum Kedayan pada khalayak termasuklah pakaian tradisi mereka. Bahkan, pada masa yang sama juga suku kaum Kedayan dapat dikenali

melalui pemakaian busana tradisi kaum Kedayan iaitu berwarna merah dan hitam dan terdapat kumbaman pada pakaian mereka.

Akhir sekali, pihak yang berkepentingan dalam melindungi kebudayaan kaum Kedayan. Hal ini kerana pengkaji mendapati terdapat juga kebudayaan kaum Kedayan yang sudah pupus dan tidak lagi diadakan di Labuan seperti Majlis Makan Tahun. Hal ini kerana tidak ada kesepakatan dalam kalangan kaum Kedayan di Labuan. Bahkan, perkara ini juga menyebabkan tradisi kaum Kedayan semakin terhakis disebabkan pemuliharaan yang tidak dilakukan.

## **5.5 KESIMPULAN**

Keseluruhan kajian mendapati terdapat segelintir penduduk Kampung Sungai Lada yang kurang pengetahuan berkaitan dengan busana suku kaum Kedayan. Hal ini kerana nilai kebudayaan tidak disemai dalam diri mereka. Hal ini jelas terbukti semasa pengkaji menjalankan kajian tinjauan iaitu soal selidik. Terdapat segelintir individu yang kurang arif akan baju tradisi suku kaum Kedayan. Perkara ini juga menyebabkan berlakunya pertembungan budaya. Misalnya, terdapat segelintir daripada mereka menganggap baju Melayu sebagai baju tradisi kaum Kedayan. Hal ini juga akan memberi kesan terhadap kebudayaan kaum Kedayan jika tidak dibendung dengan sebaiknya. Pengkaji juga mendapati perkara ini disebabkan oleh corak kehidupan kaum Kedayan itu sendiri. Malah, golongan muda kurang diberi pendedahan dan menyebabkan penerimaan terhadap baju tradisi kaum Kedayan mendapat kurang sambutan. Tambahan pula, melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti keunikan busana suku kaum Kedayan. Hal ini kerana pemakaian kaum Kedayan bukan sahaja

sebagai simbolik namun ia juga mempunyai makna tersirat. Oleh itu, kita perlu cakna akan baju tradisi kaum Kedayan kerana ia merupakan salah satu warisan yang perlu dipelihara.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**RUJUKAN**

- Abbas, M., & Sari, I. (2021). Pelestarian Budaya Lancang Kuning Dalam Perspektif Masyarakat Islam (Di Desa Panipahan Kec. Pasir Limau Kapas Kab. Rokan Hilir). *Jurnal Studi Sosial dan Agama (JSSA)*, 1(1), 57-76.
- Azam, E. A. A., Bukhari, N. A. M., & Samsudin, N. H. (2022). Terminografi Busana Kadazan Penampang: Terminography Of Kadazan Penampang Couture. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 3
- Bakhari, S. N. L. (2022). Pemuliharaan Warisan Tidak Ketara: Kajian terhadap Kuih Bunga Puduk di Alor Setar, Kedah. [Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Eyo, L. Y., Suboh, R., & Pue, G. H. (2021). Warisan Budaya Tidak Ketara Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Kajian Kes Upacara Koi Hoi di Kampung Pasir Parit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 28-44.
- Hashim, S. N. I., Abd Wahab, N. A., Wan Hasan, W. H., Che Man, N., Rameli, P., & Faizal, M. (2021). Warisan Dan Pelestarian Ekonomi Maritim Era Kontemporari. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(2), 1-13.
- Giok Hun, P. G., & Kaur, C. (2014). Identiti etnik minoriti di Malaysia: Antara realiti sosial tafsiran autoriti dan tafsiran harian. *Akademika*, 84(1&2), 57-70.
- Jamal, D. H. D., Ab Jabar, N., Saari, F. A., Suliman, M. S., & Rosdi, N. M. (2023). Penglibatan Komuniti dalam Pemuliharaan Warisan di Lembah Lenggong, Perak. *Jurnal Melayu*
- Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 9. Jusoh, A. B. H (2015). Citra Busana Dalam Naskhah Melayu Syair Agung.



- Khan, M. P. (2019). Pengurusan maklumat Warisan Tidak Ketara di IWN: Satu analisis koleksi seni persembahan Mak Yong. [Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository
- Kiffli, S., Ab Jabar, N., & Ghani, M. S. A. B. A. (2023). Pelestarian Karya Kesusasteraan Melalui Filem Adaptasi.
- Kindoyop, S., Jusilin, H., & ak Tugang, N. (2017). Pembudayaan reka bentuk Busana tradisional masyarakat Dusun Tindal di Sabah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 7.
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka: Cultural Artefacts of The Iban: Heritage and Heirloom. *Jurnal Kinabalu*, 26, 59-59.
- Mokhtar, R. A. M. (2017). Dinamika Hijrah Masyarakat Kedayan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*.
- Mokhtar, R. A. M., & Saâ, C. Z. (2017). Perbezaan Latar Belakang Pendidikan Agama Islam Dan Kesannya Terhadap Tanggapan Serta Keinginan Masyarakat Kedayan, Sabah Mengamalkan Amalan Tradisi. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 4(1), 71-81.
- Muhammad Sani, N. N., & Shahrudin, S. N. (2020). Pemuliharaan Terhadap Struktur Bangunan Istana Jahar Sebagai Bangunan Warisan Di Kelantan: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Mukam, N. A., & Jusilin, H. (2019). Representasi Budaya Dalam Rekaan Bentuk Busana Perkahwinan Masyarakat Bisaya Di Beaufort, Sabah: The Representation Of Culture In The Design Of Wedding Costume For Bisaya Community In Beaufort, Sabah.

- Nek Asmadi, N. N. I. (2022). *Pelestarian Warisan Tapak: Kajian Kes Di Gua Cha, Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Nur Amira Binti Ismail. (2022). Kota Kuala Kedah Sebagai Produk Pelancongan Warisan.
- Nur Sabrina Binti Ariffin Kusetiawan. (2022). Pembinaan Keupayaan Dalam Pelancongan Orang Asli Temuan: Kajian Kes Di Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Gombak. Universiti Malaysia Kelantan.
- Razali, N. A. H. M., & Ghani, M. F. A. (2023). Cabaran melestarikan kepimpinan penyelidikan di Institut Pendidikan Guru Di Malaysia: Satu kajian awal. *Jupidi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(1), 22-31.
- Razuri, F. M (2022). Pelestarian Kesenian Gamelan Melayu Tradisional Sebagai Warisan Kebangsaan.
- Ruslim, H. A. (2019). *Pemuliharaan Hadrah Sebagai Warisan Tidak Ketara di Negeri Perlis* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Saad, M. A. (2021). Pelestarian Patriotisme Di Sekolah Rendah Oleh Siswa Guru Sejarah Institut Pendidikan Guru Malaysia. Universiti Utara Malaysia.
- Seruddin, E. Z. H. M. (2019). Pantang Larang Suku Kedayan Di Brunei: Analisis Berdasarkan Teori Pragmatik Dan Etnografi Pertuturan (The Kedayansâ€™™ Prohibitions At Maternal Process: A Relevant And Ethnography Of Speech Analysis). *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 3(1).

- Tuah, D., Gedat, R., Khiri, M. J. A., & Shin, C. (2020). Pengekalan Dan Peralihan Bahasa Dalam Kalangan Generasi Muda Etnik Kedayan Di Bekenu Sarawak [Language Maintenance And Shift Among The Ethnic Youth Of Kedayans In Bekenu, Sarawak]. *Al-Qiyam International Social Science And Humanities Journal*, 3(4), 1-16.
- Tugang, N., Kiyai, G., & Anne, B. (2022). Penganan: Makanan Warisan Tidak Ketara Masyarakat Iban Di Sarawak (Satu Penelitian Awal): Penganan: Food Heritage Of The Iban In Sarawak (Early Examination). *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 8(1), 104-112
- Umanailo, M. C. B. (2020). Analisis semiotika busana adat bagi perempuan di pulau buru. *Jurnal Dinamika Sosial Budaya*, 22(1), 29-37.  
Universiti Malaysia Kelantan.
- Wulandari, Y. N., & Setyowati, E. (2012). Peranan Juru Rias Pengantin terhadap Pelestarian Tata Rias dan Busana Pengantin Adat Solo. *Beauty and Beauty Health Education*, 1(1).
- Yusoff, M. Y. M. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. Universiti Malaysia Kebangsaan.
- Yusoff, M. Y. M., & Hanafiah, M. G. B. (2015). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan Dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202-223.
- Yusoff, M. Y. M., Mansor, S., Harun, K., & Abd Razak, M. R. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakundi Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan (Jakun Orang Asli community in Rompin, Pahang: A study on the preservation of oral stories). *Geografia*, 17(2).

Zainuren, N. A. (2023). *Pelestarian Kain Cindai: Satu Kajian Kes di Galeri Tenun Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Zakaria, A., & Berawi, M. M. (2017). *Busana Tradisional Negeri Sembilan* (UUM Press). UUM Press.

Zakaria, R. M. A., Tohar, S. N. A. M., & Rahman, R. A. (2018). Warisan Ketara Seni Islam Tempatan: Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka (Tangible Islamic Art Heritage: Roof Crown Of The Traditional Mosques Of Malacca). *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 2(1).

## LAMPIRAN



### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

### FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN Faculty of Creative Technology and Heritage

Ruj. Kami (*Our Ref.*) : UMK.A02.600-4/7/2 JLD.21 ( 51 )

Tarikh (*Date*) : 06 OGOS 2023

#### KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

#### MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN LAPANGAN/ TEMURAMAH BAGI KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN I (CFT 3124)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ temuramah di organisasi tuan bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan I (CFT 3124) . Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:


Bil.	Nama Pelajar	No. Matrik	No. K/P	Program
1.	Muhammad Nur Iqbal Firdaus Bin Norden	C20A1138	000210-15-0067	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan. Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

  
PROF. MADYA DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF  
Timbalan Dekan (Akademik)

MALAYSIA  
ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



KELANTAN

## BORANG SOAL SELIDIK



### BORANG SOAL SELIDIK

#### Projek Penyelidikan I

(CFT 3124)

2023 / 2024

Makluman kepada responden:

Borang soal selidik ini merupakan kegunaan kerja lapangan untuk Projek Penyelidikan Sarjana Muda bagi kursus CFT 3124 Projek Penyelidikan I. Ini bertujuan untuk kajian '*Pelestarian Busana Tradisi Masyarakat Suku Kaum Kedayan: Kajian di Kampung Sungai Lada, W.P Labuan*' Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan ia digunakan untuk kepentingan kajian sahaja.

Arahan: Sila tanda (/) pada ruangan yang telah disediakan untuk menjawab soalan soal selidik. Soalan ini terdiri daripada lima pecahan: A, B, C dan D dan E.

#### BAHAGIAN A: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN:

##### 1. JANTINA

Lelaki

Perempuan

##### 2. UMUR

18 tahun ke bawah

19 – 25 tahun

26 – 35 tahun

36 – 45 tahun

46 tahun ke atas

##### 3. BANGSA

Melayu

Kedayan

Bumiputera

Lain - lain

**Pelestarian Busana Tradisi Suku Kaum Kedayan: Kajian di Kampung Sungai Lada**

Berdasarkan maklumat yang diberikan. Jawab soalan berikut dengan jujur. Pilih satu pilihan dan tandakan pada ruangan mengikut skala yang ditetapkan.

- Skala 1 = Sangat tidak setuju
- 2 = Tidak setuju
- 3 = Kurang setuju
- 4 = Setuju
- 5 = Sangat setuju

**Bahagian B – Minat**

Tunjukkan tanggapan anda dengan setiap pernyataan dengan menggunakan skala jenis likert 5 – point di bawah.

Kenyataan	1	2	3	4	5
1. Adakah anda berminat dengan gaya terkini?					
2. Adakah busana suku kaum Kedayan ketinggalan?					
3. Apakah busana suku kaum Kedayan tidak menarik?					
4. Adakah anda pernah bercadang untuk memakai pakaian suku kaum Kedayan?					
5. Ibu bapa mesti memupuk sikap minat anak mereka sejak kecil.					

**Bahagian C – Isu semasa**

Tunjukkan tanggapan anda dengan setiap pernyataan dengan menggunakan skala jenis likert 5 – point di bawah.

Kenyataan	1	2	3	4	5
1. Adakah buusana suku kaum Kedayan dapat berkembang maju.					
2. Adakah pembuatan baju busana tradisi kaum Kedayan semakin berkurang?					
3. Gaya terkini lebih banyak permintaan berbanding pakaian tradisi.					
4. Tradisi budaya kaum Kedayan sangat tidak penting.					
5. Busana suku kaum Kedayan tidak meningkatkan pendapatan ekonomi negara.					

### Bahagian D – Kurang didedahkan

Tunjukkan tanggapan anda dengan setiap pernyataan dengan menggunakan skala jenis likert 5 – point di bawah.

Kenyataan	1	2	3	4	5
1. Ibu bapa tidak mendedahkan kepada anak mereka mengenai kebudayaan kaum Kedayan.					
2. Adakah anda pernah melihat busana tradisi suku kaum Kedayan?					
3. Busana suku kaum Kedayan tidak diturunkan secara turun temurun.					
4. Adakah anda pernah bercadangnr untuk mengetahui budaya sendiri dengan lebih mendalam?					
5. Adakah anda pernah ambil peduli mengenai tradisi suku kaum Kedayan?					

### Bahagian E – Percampuran budaya

Tunjukkan tanggapan anda dengan setiap pernyataan dengan menggunakan skala jenis likert 5 – point di bawah.

Kenyataan	1	2	3	4	5
1. Perkahwinan campur menyebabkan kebudayaan terjejas.					
2. Kebudayaan tradisi sendiri sering diabaikan.					
3. Adakah perselisihan faham menyebabkan tradisi budaya tidak dapat dijaga?.					
4. Adakah identiti suku kaum Kedayan semakin terhakis?					
5. Saya lebih suka memakai pakaian tradisi Melayu.					



## BUTIRAN INFORMAN

Informan 1	Haji Nordin bin Kadir
Status	Persatuan WAKAL (Sejarah)
Kriteria	Pakar sejarah dan Kebudayaan

Informan 2	Awang Basar
Status	Persatuan WAKAL
Kriteria	Pakar Sejarah

Informan 3	Sharaizah Mohd Arif
Status	Persatuan WAKAL
Kriteria	Pakar Busana Kedayan

Informan 4	Haji Lamit
Status	Persatuan WAKAL
Kriteria	Pakar sejarah dan Kebudayaan

Informan 5	Jamilah Muhammad
Status	Penduduk Kampung Sungai Lada
Kriteria	Pengalaman

Informan 6	Muhd Firdaus
Status	Pemilik Restoran Cahaya Mentari dan Ahli WAKAL
Kriteria	Kebudayaan kaum Kedayan


Informan 7	Zack bin Jas
Status	Pengusaha pembuat baju
Kriteria	Kebudayaan kaum Kedayan

Informan 8	Nurul Fatihah
Status	Penari Kebudayaan
Kriteria	Inovasi busana

Informan 9	Amirul Nabil
Status	Penduduk Kampung Sungai Lada
Kriteria	Pengalaman

**BUKTI TEMU BUAL:****Informan 1 : Aplikasi WhatssApp****Informan 2 : Kajian Lapangan**

**Informan 4: Aplikasi WhatsApp**



**Informan 6: Aplikasi WhatsApp**



## Informa 7: Aplikasi Facebook



## Informa 8: Aplikasi WhatsApp



## Informa 9: Aplikasi WhatsApp



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## KAJIAN LAPANGAN

### i. Muzium Labuan



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ii. Peredaran borang soal selidik.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN